

فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"JIKA negara memenuhi etika perkhidmatannya yang telus tanpa pilih kasih dan rasuah, maka insya-Allah, apa jua yang dirancang dan diusahakan akan berjalan dengan lancar dan berkat." - Titah Sempena Menyambut Tahun Baharu Masihi 2010.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Hujung Minggu

قلبي في

مانيسن ايمان  
MANISNYA IMAN

"SESUNGGUHNYA Allah tidak mengubah (keadaan) apa yang ada pada suatu kaum sehinggalah mereka mengubah (keadaan) apa yang ada pada diri mereka sendiri." - (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah ar-Ra'd, ayat 11).

Waktu Sembahyang

IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
4.56	5.06	6.29	6.54	12.26	3.48	6.20	7.35

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 65 / BILANGAN 2

4 JANUARI 2020 / 1441 جمادى الأولى 8

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

# Perutusan tahniah sempena Hari Kemerdekaan Republik Kesatuan Myanmar



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama U Win Myint; dan Konsular Negara dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Republik Kesatuan Myanmar, Puan Yang Terutama Daw Aung San Suu Kyi dan kerajaan serta rakyat Republik Kesatuan Myanmar bersempena dengan Hari Kemerdekaan Republik Kesatuan Myanmar Ke-72 Tahun.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Kesatuan

Myanmar, Tuan Yang Terutama U Win Myint; dan Konsular Negara dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Republik Kesatuan Myanmar, Puan Yang Terutama Daw Aung San Suu Kyi dan kerajaan serta rakyat Republik Kesatuan Myanmar bersempena dengan Hari Kemerdekaan Republik Kesatuan Myanmar Yang Ke-72 Tahun.

Pada mengakhiri perutusan tersebut,

baginda menyampaikan salam muhibah kepada Presiden Republik Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama U Win Myint, dan Konsular Negara dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Republik Kesatuan Myanmar, Puan Yang Terutama Daw Aung San Suu Kyi dan semoga Tuan Yang Terutama dan Puan Yang Terutama berada dalam kesihatan dan kebahagiaan yang berpanjangan.

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH  
InfoDeptBN



Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri  
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept\_bn



SAMBUTAN penubuhan Ke-35 Masjid Kampung Sungai Besar  
Muka 3



DUA peserta MUIB ikuti latihan kemahiran di MAIWP  
Muka 5



CF 2020 akan menampilkan lebih ramai usahawan dalam, luar negara  
Muka 9



JANA ekonomi menerusi pertanian  
Muka 22

# PPDB raikan penubuhan ke-99 tahun

Berita dan Foto :  
Saerah Haji Abdul Ghani

GADONG, Khamis, 2 Januari. - Setiap tanggal 1 Januari merupakan tarikh yang sangat penting bagi warga Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dalam

mengimbas kembali sejarah penubuhan pasukan berkenaan secara rasminya pada 1 Januari 1921.

Pada tahun ini, PPDB telah menjangkau usianya ke-99 tahun dengan suasana negara berada di dalam keadaan aman, sentosa lagi sejahtera.

Bersempena tarikh penubuhannya, PPDB hari ini mengadakan Majlis Doa

Kesyukuran bersempena Sambutan Hari Polis Ke-99 Tahun, bertempat di Surau Ibu Pejabat Polis Gadong.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang penuh berkah itu ialah Pesuruhjaya Polis PPDB, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali.

Ke muka 3



# MPEC ditubuhkan bagi tangani isu pengangguran

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Bismillaahir Rahmaanir Raheem  
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,  
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa  
Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu'  
Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen,  
Sayyidina Muhammaddin, Wa'ala  
Aalihee Wasahbihee Ajma'een,  
Waba'du.

**A**LHAMDULILLAH, beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan izin-Nya jua, dapatlah kita melangkah ke tahun baharu Masihi 2020. Di sepanjang tahun 2019, kita telah menikmati keamanan dan kesejahteraan. Semoga keadaan ini akan dapat dinikmati pula di sepanjang tahun 2020.

Keamanan dan kesejahteraan sangat penting untuk pembangunan. Tanpa keamanan dan kesejahteraan, pembangunan pasti tergendala. Bahkan rancangan-rancangan atau usaha-usaha merealisasikan matlamat-matlamat Wawasan juga akan terjejas.

Di sinilah harga keamanannya itu. Oleh itu, beta menyeru supaya semua lapisan rakyat dan penduduk bersatu padu memelihara keamanan dan keharmonian tanpa ada kecualinya.

Dalam usaha mengurangkan pengangguran, faktor kerjasama di antara agensi-agensi kerajaan dan sektor swasta sangatlah diperlukan. Ke arah itu, beta telah pun memperkenalkan bagi penubuhan Manpower Planning and Employment Council (MPEC), di Jabatan Perdana Menteri, untuk menangani isu-isu pengangguran di negara ini secara efisien, telus dan berkesan. Ini termasuk memupuk kerjasama dengan industri-industri di negara ini dan institusi-institusi pendidikan, bagi memastikan anak-anak



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Menyambut Tahun Baharu Masihi 2020 pada Selasa, 4 Jamadilawal 1441 Hijrah bersamaan 31 Disember 2019 Masihi.

tempat lepasan universiti dan pendidikan teknikal adalah employable.

Kita mahu, jawatan-jawatan dalam industri atau sektor swasta dapat diisi, tanpa terlalu memilih atau cerewet, dan kalau berusaha, janglah hanya pandai membuka syarikat, sedang syarikat dijalankan oleh orang asing.

Berhubung dengan Program Bantuan Kebajikan Bulanan (BKB) pula, peluang adalah diberikan kepada penerima bantuan yang boleh bekerja (*able-bodied and able-to-work*) dengan memberikan bimbingan dan bantuan keusahawanan kepada penerima yang berkeinginan untuk

memulakan perniagaan. Ini dihasratkan, akan dapat mengubah pendirian dari bergantung semata-mata kepada bantuan kerajaan kepada upaya berdikari.

Negara Brunei Darussalam juga tidak ketinggalan mengikuti perkembangan Era-Digital yang sering dikaitkan dengan Fourth Industrial Revolution, di mana teknologi seperti Edge, Cloud, Artificial Intelligence dan Extended Reality akan turut memacu transformasi industri Digital.

Alhamdulillah, Negara Brunei Darussalam terus teguh mempertahankan dan mengukuhkan ekonominya, di samping bersiap sedia menghadapi apa jua keadaan, termasuk cabaran-cabaran berkaitan dengan faktor luaran. Kestabilan politik juga perlu menyerlah, untuk menarik pelaburan langsung asing ke negara ini.

Dalam usaha kita meningkatkan ekonomi, khususnya di bidang *food security*, Kerajaan beta melalui usaha sama dengan Darussalam Asset dan Kementerian berkenaan telah mula menanam padi varieti Sembada secara komersial yang melibatkan keluasan 500 hektar di Daerah Belait. Beta berharap, ini akan diikuti juga oleh penanaman buah-buahan bagi menampung keperluan sendiri sekurang-kurangnya, dan dalam jangka panjang boleh dijadikan *export commodity* bagi Negara Brunei Darussalam.

Ke muka 8

Dari Sidang Pengarang.

4 JANUARI 2020 BERSAMAAN 1441 جمادى الأولى 8

## TINGKATKAN PELUANG PEKERJAAN

**D**ENGAN keadaan iklim ekonomi global yang tidak menentu, menyaksikan kadar pertumbuhan ekonomi mencatatkan pengurangan sehingga ia memberi kesan kepada peluang pekerjaan.

Perkara ini telah menyebabkan meningkatnya kadar pengangguran di Negara Brunei Darussalam sepertimana Kajian Tenaga Kerja (KTK) 2017, yang mana negara mencatat peningkatan dari 6.9 peratus pada tahun 2014 kepada 9.3 peratus pada tahun 2017, iaitu berjumlah 19,200 orang, yang mana sebanyak 44.3 peratus adalah dikategorikan sebagai penganggur belia.

Sehubungan itu, pelbagai usaha telah dibuat bagi mengurangkan kadar tersebut dengan mengadakan pelbagai inisiatif yang diambil oleh pihak kerajaan dengan kerjasama pihak swasta agar dapat meningkatkan peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan dan melalui pendidikan latihan teknikal dan vokasional.

Perkara ini adalah selaras dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah sempena Menyambut Tahun Baharu Masihi 2020, menjelaskan bahawa faktor kerjasama di antara agensi-agensi kerajaan dan sektor swasta sangatlah diperlukan dalam usaha mengurangkan pengangguran.

"Ke arah itu, beta telah pun memperkenalkan bagi penubuhan Manpower Planning and Employment Council (MPEC), di Jabatan Perdana Menteri, untuk menangani isu-isu pengangguran di negara ini secara efisien, telus dan berkesan. Ini termasuk memupuk kerjasama dengan industri-industri di negara ini dan institusi-institusi pendidikan, bagi memastikan anak-anak tempatan lepasan universiti dan pendidikan teknikal adalah employable," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Titah baginda, kita mahu jawatan-jawatan dalam industri atau sektor swasta dapat diisi, tanpa terlalu memilih atau cerewet, dan kalau berusaha, janglah hanya pandai membuka syarikat, sedang syarikat dijalankan oleh orang asing.

Dalam titah baginda juga menyentuh mengenai penerokaan inisiatif Blue Economy di mana sumber laut negara ini belum diteroka secara optima. Ini, titah baginda, merupakan satu peluang untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan menyumbangkan pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

Setakat ini, industri akuakultur secara keseluruhan dijangka akan bertumbuh pada kadar 153 peratus setahun (2016-2020) dengan jumlah keluaran kasar dijangka meningkat daripada \$9.9 juta pada tahun 2016 kepada \$404.3 juta pada tahun 2020.

Dengan adanya usaha-usaha tersebut ia akan menggalakkan penyertaan pelabur-pelabur termasuk Pelaburan Langsung Asing (FDI) yang akan menjana pekerjaan buat anak-anak tempatan. Di samping itu, semua pihak-pihak berkenaan memainkan peranan yang penting dan bersepadu dalam membantu mengatasi cabaran yang dihadapi tersebut. - Ketua Penyuntingan (Rd).

**'BERHUBUNG dengan Program Bantuan Kebajikan Bulanan (BKB) pula, peluang adalah diberikan kepada penerima bantuan yang boleh bekerja (able-bodied and able-to-work) dengan memberikan bimbingan dan bantuan keusahawanan kepada penerima yang berkeinginan untuk memulakan perniagaan. Ini dihasratkan, akan dapat mengubah pendirian dari bergantung semata-mata kepada bantuan kerajaan kepada upaya berdikari.'**

**Negara Brunei Darussalam juga tidak ketinggalan mengikuti perkembangan Era-Digital yang sering dikaitkan dengan Fourth Industrial Revolution, di mana teknologi seperti Edge, Cloud, Artificial Intelligence dan Extended Reality akan turut memacu transformasi industri Digital.'**

**RAMALAN CUACA 3 HARI**

SABTU	AHAD	ISNIN
<b>BANDAR SERI BEGAWAN</b>		
32 26 °C	31 25 °C	31 25 °C
<b>PEKAN BANGAR</b>		
31 26 °C	31 25 °C	31 25 °C
<b>PEKAN TUTONG</b>		
32 26 °C	32 25 °C	32 25 °C
<b>KUALA BELAIT</b>		
32 26 °C	32 24 °C	32 25 °C

Wallahu'alam Bissawab  
Jabatan Kaji cuaca Brunei Darussalam  
www.met.gov.bn

Talian Cuaca **114**  
Brunei WX App

**WAKTU SEMBAHYANG**

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:  
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi JANUARI	HARI	Hijrah JAMADILAWAL	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGRIB	ISYAK
4	SABTU	8	4.56	5.06	6.29	6.54	12.26	3.48	6.20	7.35
5	AHAD	9	4.57	5.07	6.30	6.54	12.26	3.48	6.21	7.35
6	ISNIN	10	4.57	5.07	6.30	6.54	12.27	3.49	6.21	7.36
7	SELASA	11	4.58	5.08	6.31	6.55	12.27	3.49	6.22	7.36
8	RABU	12	4.58	5.08	6.31	6.55	12.28	3.49	6.22	7.36
9	KHAMIS	13	4.58	5.08	6.31	6.55	12.28	3.50	6.23	7.37
10	JUMAAT	14	4.59	5.09	6.32	6.56	12.28	3.50	6.23	7.37

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

**TALIAN KECEMASAN** 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam  
123

NDCM 2380214



# Sambutan penubuhan Ke-35 Masjid Kampung Sungai Besar

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman menyampaikan sumbangan derma kepada anak yatim (kanan) dan menyampaikan cenderahati kepada mantan yang pernah berkhidmat di Masjid Kampung Sungai Besar (atas).



**MUKIM KOTA BATU**, Khamis, 2 Januari. - Masjid Kampung Sungai Besar kini mencapai usia penubuhannya ke-35 setiap tanggal 1 Januari.

Dalam meraikan sambutan penubuhannya itu, Majlis Doa Kesyukuran diadakan di masjid tersebut baru-baru ini yang dihadiri oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka

Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan datin.

Ketua Imam masjid, Pengiran Haji Sallehin bin Pengiran Haji Tajuddin dalam ucapan alu-aluannya di majlis tersebut, antara lain mengongsikan sejarah awal penubuhan terbinanya masjid tersebut sehingga dibuka rasmi pada 1 Januari 1984.

Pengiran Haji Sallehin seterusnya menambah, masjid tersebut terus berdiri dengan megahnya sehingga ke hari ini, tempat penduduk kampung mengerjakan ibadah sembahyang serta melaksanakan aktiviti-aktiviti yang berkebakikan demi untuk mengimarhkan masjid seperti kegiatan bertadarus setiap hari sebaik sahaja selesai mengerjakan Sembahyang Fardu

Subuh Berjemaah, majlis khatam Al-Quran lebih-lebih lagi di bulan Ramadan.

Majlis yang diadakan selesai Sembahyang Fardu Maghrib itu dimulakan dengan bacaan Ratib Al-Attas beramai-ramai dan diikuti dengan penyampaian sumbangan derma kepada anak-anak yatim yang tinggal sekeliling kawasan berkenaan.

Yang Berhormat Pehin yang juga selaku Penaung masjid tersebut menyampaikan cenderahati kepada mantan-mantan yang pernah berkhidmat di masjid itu sebelum ini.

Doa kesyukuran pula dipimpin oleh imam masjid itu, Awang Haji Hanafiah bin Haji Mahmud yang juga mengepalai Doa Allah Peliharakan Sultan.

## PPDB raikan penubuhan ke-99 tahun

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

Dari muka 1

Turut hadir, Timbalan Pesuruhjaya Polis, Pengiran Dato Seri Pahlawan Haji Mohd. Jefri bin Pengiran Haji Abd. Hamid; para pengarah, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai, anggota serta kakitangan PPDB.

Juga hadir, mantan-mantan polis yang pernah mencurahkan bakti dan keringat di dalam pembangunan PPDB sehingga ke hari ini.

Acara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Imam Surau berkenaan, APO Sarjan 6472 Mohammad Yusri bin Haji Abu Bakar.

Diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat bagi memohon ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala agar semua warga PPDB sentiasa dikurniakan kesihatan untuk melaksanakan tugas mencegah dan membanteras jenayah serta memohon perlindungan agar warga PPDB dihindari daripada kecelakaan dan kesukaran dalam menjalankan tugas.

Majlis diteruskan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena menyambut Hari Polis Ke-99, diselajurkan dengan Tahlil dan Doa Arwah, memohon pahala disedekahkan kepada warga PPDB yang telah meninggal dunia.



PESURUHJAYA Polis PPDB, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali (dua, kanan) hadir pada Majlis Doa Kesyukuran bersempena Sambutan Hari Polis Ke-99 Tahun, bertempat di Surau Ibu Pejabat Polis Gadong. Juga hadir, mantan-mantan polis yang pernah mencurahkan bakti dan keringat di dalam pembangunan PPDB.

MAJLIS Doa Kesyukuran bersempena Sambutan Hari Polis Ke-99 Tahun, juga diselajurkan dengan Tahlil dan Doa Arwah, memohon pahala disedekahkan kepada warga PPDB yang telah meninggal dunia.





# Amalkan sikap berhemah ketika memandu!

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 3 Januari. - Berikutan keadaan cuaca yang tidak menentu di negara ini dan kekerapan kejadian kemalangan yang sering berlaku akhir-akhir ini, Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) ingin menasihatkan kepada semua pengguna jalan raya untuk mengamalkan sikap lebih berhati-hati dan berhemah ketika memandu.

Demi keselamatan semua pengguna jalan raya, para pemandu kenderaan diingatkan supaya lebih bertanggungjawab ketika memandu dengan mematuhi peraturan-peraturan jalan raya dan sentiasa berwaspada terutama sekali ketika waktu hujan dan atas permukaan jalan raya yang bertakung air.

Demikian ditekankan oleh

Pengarah Pengangkutan Darat, Awang Haji Rozaly bin Haji Saidon selaku Ketua Urusetia MKKJR ketika ditemui Pelita Brunei di Kementerian Perhubungan baru-baru ini.

Beliau seterusnya mengingatkan orang ramai untuk menyalakan lampu kenderaan sekiranya memandu di dalam keadaan gelap dan hujan lebat.

"Adalah diperingatkan supaya semua pemandu agar meningkatkan perhatian apabila melalui kawasan-kawasan berisiko seperti Pusingan-U (U-turn), jalan-jalan sempit dan kawasan-kawasan yang sering berlakunya kemalangan.

Dalam keadaan cuaca yang tidak menentu ini jua, kita perlu pastikan kenderaan secara keseluruhan adalah dalam keadaan baik dan memuaskan termasuklah

memastikan tayar kenderaan tidak botak, tidak diubah suai dan sentiasa mengamalkan bacaan doa sebelum memulakan sebarang perjalanan ke destinasi-destinasi tertentu," tegasnya.

Awang Haji Rozaly turut menyeru para pemandu serta penumpang supaya sentiasa memakai tali pinggang keselamatan dan tidak menggunakan telefon bimbit khusus kepada pemandu itu semasa memandu kenderaan.

Tambahnya, semua amalan dan nasihat yang dinyatakan itu perlu dipatuhi bukan sahaja di negara ini malah diamalkan semasa memandu di negara-negara jiran demi kesejahteraan dan kebaikan serta menjamin keselamatan semua pengguna jalan raya.

Peringatan ini juga adalah untuk semua pengguna jalan raya termasuk para penunggang motosikal dan basikal agar sentiasa memakai topi keledar yang diluluskan dan sesuai.

"Berhenti dan berteduh di tempat yang selamat sekiranya terperangkap dalam hujan lebat atau elakkan melakukan sebarang aktiviti yang menggunakan dua roda di musim keadaan cuaca tidak menentu ini," tambahnya.

Akhir sekali adalah diingatkan orang ramai yang ingin keluar negeri dengan menggunakan kenderaan sendiri agar memastikan supaya merancang perjalanan dan pastikan lesen kenderaan, pas kenderaan VES Brunei dan VMS Malaysia masih sah.

Orang ramai juga diingatkan agar jangan memandu di bawah pengaruh alkohol, dadah, minuman keras dan ubat-ubatan terkawal demi keselamatan bersama.



**PENGARAH** Pengangkutan Darat, Awang Haji Rozaly bin Haji Saidon, selaku Ketua Urusetia Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya ketika ditemui Pelita Brunei di Kementerian Perhubungan baru-baru ini.



SEBAHAGIAN daripada pameran keselamatan di jalan raya (atas dan kanan).



## SPBD lancar laman sesawang rasmi



Laman Sesawang Rasmi  
Suruhanjaya Persaingan  
Brunei Darussalam (CCBD)

[www.ccbd.gov.bn](http://www.ccbd.gov.bn)

- Maklumat Perintah Persaingan
- Mengenai CCBD
- Garispanduan persaingan
- Berita terkini
- Bahan-bahan rujukan
- Membuat aduan
- Soalan-Soalan Lazim

Siaran Akhbar dan Infografik :  
Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 2 Januari. - Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam (SPBD) melancarkan laman sesawang rasmi bagi orang awam dan peniaga untuk mempelajari dengan lebih lanjut mengenai Perintah Persaingan yang akan berkuat kuasa secara berfasa, mulai 1 Januari 2020. Laman sesawang boleh diakses di

[www.ccbd.gov.bn](http://www.ccbd.gov.bn).

Bagi menggalakkan kepatuhan peniaga, laman sesawang Suruhanjaya Persaingan memuatkan maklumat praktikal mengenai amalan-amalan yang dilarang di bawah perjanjian anti-persaingan (kartel) juga garis panduan yang berkaitan, termasuk mekanisme aduan dan peranan peniaga dalam menghentikan

kartel seperti di dalam Garis Pandu Kelonggaran (Leniency Guidelines).

Laman sesawang berkenaan juga menyediakan bahan-bahan rujukan seperti Soalan-soalan Lazim; Garis Pandu Persaingan bagi Peniaga; dan Memahami dan Mengesan Tipuan Bidaan di dalam Perolehan Awam, juga perkembangan mengenai aktiviti-aktiviti sosialisasi utama yang diadakan setakat ini, termasuk dialog bersama peniaga dan vendor perolehan awam.

SPBD selaku Sekretariat

Eksekutif kepada Suruhanjaya Persaingan dalam melaksanakan tugas penguatkuasaannya, mengalu-alukan input daripada orang awam mengenai amalan peniaga yang disyaki melanggar Perintah Persaingan dengan menghadapkan aduan dengan maklumat yang mencukupi.

Suruhanjaya Persaingan menerima aduan yang berkaitan dengan perjanjian anti-persaingan seperti penipuan bidaan (tawaran harga secara kolusif), penetapan harga, pembahagian pasaran dan pengawalan bekalan.

Walau bagaimanapun, sepertimana yang dinyatakan di dalam Garis Pandu Prosedur Aduan, Suruhanjaya Persaingan mempunyai kuasa dalam memutuskan untuk melancarkan siasatan ke atas aduan yang diterima setelah membuat penilaian terhadap impak kepada daya saing pasaran dan kepentingan awam. Suruhanjaya Persaingan tidak bertindak bagi pihak pengadu, tetapi berfungsi untuk melindungi proses persaingan di pasaran.

Garis Pandu Prosedur Aduan yang boleh didapati di laman sesawang Suruhanjaya Persaingan menerangkan cara dan prosedur bagi menghadapkan aduan kepada Suruhanjaya Persaingan.

Ia juga memuatkan maklumat mengenai proses berkaitan dengan tindakan yang akan diambil oleh Suruhanjaya Persaingan dalam mengendalikan aduan.

Untuk sebarang maklumat lanjut, Suruhanjaya Persaingan boleh dihubungi melalui Sekretariat Eksekutif di e-mel [brunei.competition@jpke.gov.bn](mailto:brunei.competition@jpke.gov.bn) atau menerusi Talian Telefon +673 2233344 sambungan 230 / 343 / 341 atau kepada Sekretariat Eksekutif Suruhanjaya Persaingan, Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Tingkat 3, West Wing, Blok 2A, Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan, BA1311 atau laman sesawang [www.ccbd.gov.bn](http://www.ccbd.gov.bn).



# Dua peserta MUIB ikuti latihan kemahiran di MAIWP

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Muhammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 2 Januari. - Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) melalui Urusetia Program Pengupayaan Asnaf Zakat (PROPAZ) memilih dua orang asnaf zakat untuk mengikuti Latihan Kemahiran di Institut Kemahiran Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Kuala Lumpur, Malaysia.

Dayang Sari Wahyuni binti Ahmadhizamshah, 18 tahun; dan Dayang Azibah binti Ajak, 19 tahun akan mengikuti Kursus Perkhidmatan dan Penyajian

Makanan.

Sehubungan itu, Majlis Doa Selamat dan Sesi Penandatanganan Dokumen Menerima Agihan Wang Zakat juga Perjanjian Pengajian di antara pihak MUIB dan dua peserta berkenaan diadakan di Dewan Multaqa, Bangunan Tambahan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Hadir bagi menyaksikan penandatanganan tersebut, Pemangku Setiausaha MUIB, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Akop.

Terdahulu pada awal tahun 2018,

MUIB melalui Urusetia PROPAZ mula menghantar dua peserta untuk mengikuti Latihan Kemahiran di institut berkenaan dalam Bidang Kursus Teknologi Binaan Bangunan dan Kursus Perkhidmatan dan Penyajian Makanan.

Kedua peserta berkenaan menamatkan latihan dan pulang ke Negara Brunei Darussalam pada 13 Disember tahun lalu.

Manakala bagi penghantaran Kali Ke-2, dua orang anak asnaf fakir miskin dihantar dan memilih bidang Seni Lukis dan Seni Reka sebagaimana yang ditawarkan oleh pihak MAIWP.

Salah seorang daripadanya menerima tawaran bagi Pelanjutan

Latihan di Tahap 2 bagi Tahun 2020.

Awang Haji Abdul Aziz ketika ditemu bual menjelaskan, program penghantaran asnaf zakat ini adalah hasil daripada Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan (SOM) Ke-43 bagi Pertemuan Tahunan Tidak Rasmi Menteri-menteri Agama Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura (MABIMS) pada Tahun 2018, membincangkan bidang kerjasama 'Meningkatkan Taraf Hidup Umat Islam yang Memerlukan'.

Susulan daripada kesepakatan tersebut jelasnya, Kerajaan Malaysia melalui MAIWP Kuala Lumpur menawarkan peluang kepada asnaf yang berkecukupan dari Negara Brunei Darussalam untuk mengikuti Latihan Kemahiran di Institut Kemahiran Baitulmal, MAIWP.

"Latihan kemahiran ini dibiayai oleh pihak negara penganjur, antaranya kos latihan, pengangkutan darat, tempat tinggal, makan minum dan elaun bulanan," jelasnya.

Manakala perbelanjaan penghantaran tambahnya, persediaan sebelum berlepas dan mana-mana yang berkaitan dengan kebajikan dan keperluan peserta Negara Brunei Darussalam akan dibiayai daripada agihan Kumpulan Wang Zakat Asnaf Fakir Miskin.

Beliau menambah, para peserta yang dipilih akan melalui beberapa proses pemilihan mengikut kriteria-kriteria yang ditetapkan, terutama sekali bagi golongan belia yang kurang berkemampuan, tetapi mempunyai kelebihan bakat yang tidak kelihatan.



**PEMANGKU Setiausaha MUIB, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Akop.**

Pada pengambilan tahun 2020 ini, tempoh latihan ditambah menjadi 24 bulan sepenuh masa, berbanding pada tahun-tahun sebelumnya, iaitu 12 bulan sepenuh masa bagi setiap pengambilan Penghantaran dua orang asnaf zakat, terdiri daripada peserta PROPAZ itu merupakan penyertaan kali ketiga diadakan.

MUIB melalui Urusetia PROPAZ akan terus proaktif mempelbagaikan lagi program-program pengupayaan untuk mempertingkatkan kemahiran asnaf zakat, khasnya peserta PROPAZ.

Bekalan kemahiran dan inisiatif pembangunan diri peserta adalah antara usaha untuk membantu memutus lingkaran kemiskinan keluarga dan mengubah taraf kehidupan kepada yang lebih baik, berkecukupan juga mandiri.



**DAYANG Sari Wahyuni binti Ahmadhizamshah dan Dayang Azibah binti Ajak akan mengikuti Kursus Perkhidmatan dan Penyajian Makanan di MAIWP, Kuala Lumpur, Malaysia.**

# Uji kemahiran, keberkesanan JBP



**SERAMAI 35 pekerja dan kakitangan Rentokil Initial mengikuti Latihan Kebakaran dan Pengosongan Bangunan yang dikendalikan oleh Bahagian Perhubungan Awam, Cawangan Operasi 'A', Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), di Rentokil Laundry, Blok 'C', Bangunan Haji Lazim dan Anak-Anak, Kampung Kiarong (kanan dan kiri).**



Laundry, Blok 'C', Bangunan Haji Lazim dan Anak-Anak, Kampung Kiarong yang melibatkan seramai 35 pekerja dan kakitangan Rentokil Initial.

Latihan kebakaran yang bermula dengan terjadi kebakaran pada sebuah kedai laundry di tingkat bawah bangunan.

Fire Marshall yang bertugas semasa kejadian segera bertindak mengeluarkan semua pekerja dan kakitangan dari bangunan tersebut juga mengaturnya untuk berkumpul di tempat selamat *assembly point* yang sudah ditetapkan.

Latihan Pengosongan

dijalankan di bahagian bangunan tersebut bersama enam orang anggota Bomba dari Balai Bomba Beribi, diketuai oleh Timbalan Pegawai Balai Arfan bin Minudin.

Hadir pada latihan tersebut, Pegawai Balai Pengiran Haji Muhamad bin Pengiran Tengah; dan Penolong Pegawai Balai Rustam Efandi bin Haji Metusin dari bahagian Perhubungan Awam Cawangan Operasi 'A'.

Antara objektif latihan dijalankan adalah bagi memastikan kesiapsiagaan anggota, menguji kemahiran, mengadakan latihan praktikal adalah faktor utama dalam operasi memadam dan menyelamatkan, selain bagi meningkatkan kesedaran, memupuk rasa tanggungjawab dan mengambil berat tentang aspek-aspek keselamatan kebakaran di bangunan.

Latihan juga adalah bagi mengesahkan keberkesanan prosedur bagi pengosongan bangunan yang lebih efektif dan bersistematik yang dijalankan oleh pihak JBP juga pihak syarikat swasta dan untuk menguji keupayaan juga keberkesanan tugas Chief Fire Marshall dan Fire Marshall yang dilantik.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat, Cawangan Operasi 'A', Daerah Brunei dan Muara

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 2 Januari. - Bahagian Perhubungan Awam, Cawangan Operasi 'A', Jabatan Bomba dan

Penyelamat (JBP) baru-baru ini menganjurkan Latihan Kebakaran dan Pengosongan Bangunan, di Rentokil



# YSHHB bantu mangsa kebakaran



**PENOLONG** Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkhiah (YSHHB), Awang Haji Musthapa bin Haji Matahir menyampaikan sumbangan kewangan YSHHB kepada dua buah keluarga yang terlibat dalam kejadian kebakaran rumah di Daerah Brunei dan Muara (kanan dan kiri).

**Siaran Akhbar dan Foto : Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkhiah**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 2 Januari. - Selaras dengan dasar penubuhannya, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkhiah (YSHHB) terus

melaksanakan aktiviti kebajikan, khususnya membantu mereka yang sangat memerlukan. Sehubungan itu, YSHHB menyampaikan sumbangan

kewangan kepada dua buah keluarga yang terlibat dalam kejadian kebakaran rumah di Daerah Brunei dan Muara.

Ketua keluarga mangsa kebakaran yang menerima sumbangan daripada YSHHB, Awang Haji Md. Yassin bin Haji Md. Noor

di Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Kampung Tungku (kejadian kebakaran berlaku pada 27 Disember 2019); dan Awang Mohd. Hisham bin Awang Mustamam di STKRJ Kampung Tanah Jambu (kejadian kebakaran berlaku pada 29 Disember 2019).

Sumbangan itu dihasrat meringankan beban keluarga mangsa yang terlibat dalam meneruskan kehidupan harian mereka.

Sumbangan daripada YSHHB disampaikan oleh Penolong Pengarah Urusan YSHHB, Awang Haji Musthapa bin Haji Matahir.



**Oleh : Mohammad Rainie Haji Durani**

**D**ALAM keadaan ekonomi semasa yang serba mencabar ini, kebanyakan negara berhadapan dengan masalah pengangguran yang lazimnya dihadapi oleh kalangan belia. Masalah pengangguran dalam kalangan belia merupakan satu masalah yang perlu ditangani dengan berkesan kerana golongan belia merupakan modal insan yang memiliki prospek tinggi dalam menggerakkan ekonomi sesebuah negara, jika perkara ini tidak dibendung maka ia boleh membawa impak kepada perkembangan ekonomi semasa.

Menurut Kajian Tenaga Kerja (KTK) 2017, kadar pengangguran di Negara Brunei Darussalam mencatat peningkatan dari 6.9 peratus pada tahun 2014 kepada 9.3 peratus pada tahun 2017, iaitu berjumlah 19,200 orang, yang mana sebanyak 44.3 peratus adalah dikategorikan sebagai penganggur belia. Bagi mengurangkan kadar pengangguran di negara ini pihak kerajaan telah merancang dan melaksanakan berbagai-bagai usaha khususnya dalam meningkatkan peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan dengan kerjasama agensi-agensi lain melalui pelaksanaan projek Public Private Partnership (PPP),

Pelaburan Langsung Asing (FDI) dan industri sedia ada.

Perkara ini selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Menyambut Tahun Baharu Masihi 2020, yang mana baginda bertitah menjelaskan bahawa faktor kerjasama di antara agensi-agensi kerajaan dan sektor swasta sangatlah diperlukan dalam usaha mengurangkan pengangguran.

"Ke arah itu, beta telah pun memperkenankan bagi penubuhan Manpower Planning and Employment Council (MPEC), di Jabatan Perdana Menteri, untuk menangani isu-isu pengangguran di negara ini secara efisien, telus dan berkesan. Ini termasuk memupuk kerjasama dengan industri-industri di negara ini dan institusi-institusi pendidikan, bagi memastikan anak-anak tempatan lepasan universiti dan pendidikan teknikal adalah *employable*," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Kita mahu, titah baginda jawatan-jawatan dalam industri atau sektor swasta dapat diisi, tanpa terlalu memilih atau cerewet, dan kalau berusaha, janganlah hanya pandai membuka syarikat, sedang syarikat dijalankan oleh orang asing.

Berdasarkan titah baginda tersebut amat jelas kerjasama dalam kalangan agensi kerajaan dan sektor swasta itu sangat

penting untuk sama-sama membuka peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan bagi mengurangkan masalah pengangguran yang dihadapi oleh negara pada masa ini.

Oleh yang demikian, pendidikan latihan teknikal dan vokasional juga akan terus dilaksanakan untuk memastikan latihan-latihan yang diberikan adalah mengikut keperluan industri. Perkara ini adalah sangat penting untuk menggalakkan perkembangan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dan menjana peluang-peluang perniagaan baharu.

Bagi melengkapkan dan menyediakan asas yang kukuh bagi perkembangan PMKS, Darussalam Enterprise (DARE) memainkan peranan yang penting dalam menjana ekosistem perniagaan yang kondusif, di samping membantu usahawan-usahawan tempatan menyelesaikan apa jua masalah yang mereka hadapi selain membantu para PMKS ini untuk mencapai potensi masing-masing seperti memberikan latihan *startup bootcamp*, Industry Business Academy dan sebagainya.

Sementara itu, penubuhan Bank Usahawan Berhad telah secara aktif menilai beberapa pengusaha yang berpotensi dan dihulurkan kemudahan pinjaman kewangan bagi memulakan perniagaan mereka. Dengan usaha seumpama ini ia akan membuka lebih banyak ruang dan peluang kepada golongan usahawan untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan secara tidak langsung akan

merencanakan lagi kegiatan perniagaan di negara ini.

Walau bagaimanapun, usaha-usaha dan tanggungjawab dalam mengurangkan pengangguran dan menjana peluang pekerjaan ini bukan saja diletakkan semata-mata kepada pihak Kerajaan sahaja malahan melibatkan semua pihak yang berkepentingan seperti sektor swasta, pihak organisasi bukan Kerajaan dan sebagainya. Malahan pencari kerja itu sendiri juga seharusnya memiliki sikap yang gigih, dedikasi dan disiplin yang tinggi bagi menambah baik peluang mereka untuk mendapatkan pekerjaan selain mempersiapkan diri mereka dengan sebarang kemahiran yang diperlukan oleh sesuatu pekerjaan yang akan ditawarkan.

Selain itu, ia juga adalah bagi mendukung hasrat Kebawah DYMM yang sering kali menekankan betapa pentingnya bagi setiap pihak untuk berusaha dalam meningkatkan kompetensi dan kapasiti anak-anak tempatan dan bagi pencari-pencari kerja untuk tidak memilih pekerjaan.

Dengan segala usaha, perancangan dan peluang yang diberikan oleh pihak Kerajaan dan pihak-pihak tertentu, negara telah menyaksikan penubuhan para PMKS tempatan yang boleh menjana pekerjaan bagi anak tempatan. Bahkan ada juga para pencari pekerjaan ini sudah berjaya membuka perniagaan mereka sendiri walaupun ia bermula daripada kecil-kecilan saja kerana jika tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya.



# Membuat perubahan dengan melakukan hijrah minda



**B**ERTAQWALAH kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar taqwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala ialah orang yang paling bertaqwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Agama Islam menganjurkan umatnya untuk sentiasa mempertingkatkan usaha dalam membuat ibadah dan amal kebajikan. Di samping itu, agama Islam juga tidak melarang umatnya untuk mencari kenikmatan dunia dengan cara yang baik seperti mencari rezeki dari sumber yang halal lagi baik, supaya ia sentiasa diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Sesungguhnya perkara yang sangat penting dalam mencari rezeki itu ialah keberkatan. Ketahuilah, rezeki yang sedikit tetapi diberkati Allah Subhanahu Wata'ala itu adalah lebih baik berbanding rezeki yang banyak tetapi tidak mendatangkan manfaat dan berkat. Oleh itu, kita mestilah mengambil berat tentang kepentingan halal dan haram dalam usaha mencari sumber rezeki.

Ingatlah, orang yang mendapatkan rezeki dari sumber yang tidak halal akan mendapat balasan yang pedih di hari kiamat nanti iaitu dimasukkan ke dalam api neraka Nauzubillahi Minzalik. Daripada Khaulah Al-Ansariah Radiallahuanha ia berkata: Aku mendengar Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

*"Bahawasanya orang yang mencampur adukkan harta Allah dengan jalan yang tidak halal, maka mereka akan mendapat seksaan api neraka pada hari kiamat kelak".* - (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari).

Rezeki adalah anugerah yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada setiap hamba-Nya. Oleh itu, kita tidak perlu berasa khuatir atau bimbang kerana Allah Subhanahu Wata'ala telah menentukan dan menetapkan rezeki untuk sekalian makhluk ciptaan-Nya. Allah Subhanahu

Wata'ala berfirman dalam Surah Hud Ayat 6 yang tafsirannya:

*"Dan tidak ada satu pun makhluk yang melata di bumi melainkan Allah yang menjamin rezekinya dan mengetahui tempat menetap dan tempat penyimpanannya. Semuanya itu tertulis di dalam kitab yang nyata (Luh Mahfuz)".*

Dalam hal ini, walaupun Allah Subhanahu Wata'ala sudah menentukan dan menetapkan rezeki masing-masing, janganlah pula kita menyalah ertikan maksud ayat tersebut dengan hanya duduk diam, berpeluk tubuh dan hanya bergantung harap pada pertolongan orang lain.

Sesungguhnya agama Islam tidak menyukai umatnya yang hanya berpeluk tubuh dan malas berusaha. Oleh itu, selagi kita masih bertenaga dan berupaya, kita hendaklah menggunakan kudrat dan tulang empat kerat kita untuk melakukan apa saja pekerjaan yang halal bagi memenuhi tuntutan dan keperluan hidup seharian sama ada untuk diri sendiri mahu pun untuk orang-orang yang berada di bawah tanggungan kita. Ini kerana perbuatan sedemikian adalah lebih baik dari meminta-minta. Daripada Imran bin Husain Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

*"Sesungguhnya Allah menyayangi hamba-Nya yang beriman, yang miskin, yang tidak suka meminta-minta sedangkan dia mempunyai anak yang ramai".* - (Riwayat Al-Imam Ibnu Majjah).

Dalam agama Islam, meminta-minta dianggap sebagai perbuatan yang keji dan tercela. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada bersabda menyebutkan mengenai celaan ke atas orang yang meminta-minta tanpa sebarang keperluan dan hajat, sedangkan dia mempunyai keupayaan untuk berusaha dan bekerja bagi mencari rezeki. Daripada Hakim bin Huzam Radiallahuanhu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda kepadanya:

*"Sesungguhnya harta itu kehijauan yang manis. Barang siapa yang mengambilnya dengan kemurahan hati si pemberi (bukan disebabkan dia meminta, maka Allah berikan berkat kepadanya, pada harta*

**'INGATLAH, orang yang mendapatkan rezeki dari sumber yang tidak halal akan mendapat balasan yang pedih di hari kiamat nanti iaitu dimasukkan ke dalam api neraka Nauzubillahi Minzalik. Daripada Khaulah Al-Ansariah Radiallahuanha ia berkata: Aku mendengar Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud: "Bahawasanya orang yang mencampur adukkan harta Allah dengan jalan yang tidak halal, maka mereka akan mendapat seksaan api neraka pada hari kiamat kelak".**  
- (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari).'

**'SELAIN itu, baginda juga pernah bertitah pada tahun 2015, bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-31, antara lain titah baginda : "Kita perlu mempunyai daya saing yang tinggi melalui nilai-nilai, sikap dan pemikiran untuk menjadikan kita mampu berdikari dan menyara kehidupan tanpa banyak bergantung kepada bantuan-bantuan. Untuk itu, kita mesti cepat berubah dan membuat adaptasi yang bersesuaian, supaya kita tidak terus tertinggal dibelakang," demikian baginda bertitah.'**

tersebut. Dan barang siapa yang mengambilnya dengan kerakusan jiwa, maka Allah tidak memberikan berkat kepadanya, pada harta tersebut. Dan perumpamaan (orang yang meminta-minta) seperti orang yang makan tetapi tidak kenyang (kerana tidak ada berkat untuknya pada harta tersebut). Dan tangan yang di atas (yang memberi) adalah lebih baik dari tangan yang di bawah (yang menerima)". - (Hadis diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari).

Negara kita Brunei Darussalam sedang bergerak dan berusaha untuk mencapai Wawasan Brunei 2035. Ketahuilah, Wawasan Brunei 2035 adalah gagasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Pandangan baginda yang jauh ke hadapan memastikan negara ini, insyaaAllah akan menjadi sebuah negara yang mempunyai rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya. Oleh itu, rakyat dan penduduk di bumi Darussalam ini hendaklah membuat perubahan dan melakukan hijrah minda. Bagi sama-sama menandai hasrat murni baginda tersebut dan Wawasan Brunei 2035 itu menjadi realiti.

Selain itu, baginda juga pernah bertitah

pada tahun 2015, bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-31, antara lain titah baginda :

*"Kita perlu mempunyai daya saing yang tinggi melalui nilai-nilai, sikap dan pemikiran untuk menjadikan kita mampu berdikari dan menyara kehidupan tanpa banyak bergantung kepada bantuan-bantuan. Untuk itu, kita mesti cepat berubah dan membuat adaptasi yang bersesuaian, supaya kita tidak terus tertinggal di belakang," demikian baginda bertitah.*

Bagi menyahut seruan dan gagasan raja kita yang kita kasihi dan sayangi ini, marilah kita bersama-sama membuat perubahan dengan melakukan hijrah minda ke arah masyarakat yang lebih dinamik, berdaya tahan dan berdikari bagi mempertingkatkan kualiti kehidupan dan ekonomi negara.

Ingatlah, untuk melakukan perubahan tersebut bukanlah sekadar dengan retorik, angan-angan kosong mahupun khayalan semata-mata. Ia mestilah disusuli dengan tindakan, azam, semangat juang yang kuat, usaha yang bersungguh-sungguh dan tidak mudah berputus asa. Ketahuilah, untuk membuat perubahan tersebut, semuanya adalah bergantung kepada diri kita sendiri, dalam erti kata yang lain kita tidak perlu menunggu orang lain untuk mengubah diri kita.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama membuat perubahan dengan melakukan hijrah minda, di samping menanamkan azam dan iltizam ke arah kecemerlangan untuk menjadi hamba Allah Subhanahu Wata'ala yang lebih bertaqwa, lebih pemurah, lebih patuh dan mentaati segala perintah dan larangan Allah Subhanahu Wata'ala. Mudah-mudahan dengan yang demikian kita beroleh kejayaan dan kebahagiaan hidup di dunia dan juga di akhirat. Aamiin Ya Rabbal Alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali-Imran Ayat 159 yang tafsirannya:

*"Kemudian apabila engkau telah berazam (untuk berbuat sesuatu sesudah bermesyuarat) maka bertawakallah kepada Allah (melaksanakannya). Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakal".*



# Lebih 100 bakal jemaah umrah DHSB menghadiri taklimat

Berita dan Foto : Dk. Vivv  
Malessa Pg. Ibrahim

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 3 Januari. - Lebih 100 bakal jemaah umrah yang menggunakan perkhidmatan Darussalam Holdings Sendirian Berhad (DHSB) menghadiri taklimat Pengurusan Umrah di Dewan Mahligai, Airport Mall Berakas, di sini, pagi tadi.

Taklimat Pengurusan Umrah diberikan oleh Ketua Haji dan Umrah DHSB, Pengiran Haji Ibarahim bin Pengiran Haji Bakar, manakala tazkirah Penghayatan Umrah disampaikan oleh Pegawai Agama DHSB, Haji

Abdul Aziz bin Haji Abdul Rahman.

Tujuan taklimat itu adalah untuk menyediakan para jemaah haji mengenai pemahaman dan juga

teori praktikal yang lebih baik tentang apa yang akan dilakukan semasa umrah diikuti pula dengan sesi soal jawab bersama para jemaah.



**TAKLIMAT** Pengurusan Umrah diberikan oleh Ketua Haji dan Umrah DHSB, Pengiran Haji Ibarahim bin Pengiran Haji Bakar (dua, kanan) (atas). Sementara gambar kiri, antara bakal jemaah umrah DHSB ketika menghadiri taklimat.

## Tinjauan kemudahan surau di gedung-gedung perniagaan



**KEMUDAHAN** surau di gedung-gedung perniagaan dapat dimanfaatkan oleh para pengunjung supaya tidak menjadi insan yang lalai.

Berita dan Foto : Aimi Sani

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 3 Januari. - Kunjungan ke sesebuah gedung perniagaan besar seperti pasar raya sudah pasti memakan masa yang cukup lama terutama sekali jika sebuah pasar raya tersebut menawarkan pelbagai perkhidmatan seperti bank, restoran, wayang dan sebagainya.

Terang atau gelap, hujan atau

panas dan sebagainya di luar kompleks beli belah sememangnya tidak disedari. Maklumlah di dalam pasar raya keadaannya tetap sama iaitu terang benderang. Oleh yang demikian, pengunjung perlulah rajin menjeling jam tangan atau telefon bimbit masing-masing supaya tidak leka sehingga terlepas dari kewajipan.

Bagi pengunjung beragama

Islam, waktu solat tidak boleh diabaikan dalam apa-apa juga keadaan, apatah lagi jika berada dalam suasana yang begitu nyaman dan selesa di pasar raya. Maka, sejajar dengan peraturan di sebuah negara yang mengangkat Islam sebagai agama rasmi negara, pihak pemilik gedung perniagaan dikehendaki menyediakan kemudahan tempat solat iaitu surau. Kemudahan surau dapat dimanfaatkan oleh para pengunjung supaya tidak menjadi insan yang lalai.

Awang Muhammad Syu'aib bin Sani dari Perumahan Kampung Rimba ketika ditemui berkata kemudahan ruang solat yang disediakan di gedung-gedung perniagaan dan beberapa restoran makan adalah satu inisiatif yang sangat baik bagi pengunjung yang beragama Islam.

"Jadi bagi pendapat saya, tidak lagi ada alasan untuk tidak mengerjakan solat pada waktunya kerana kemudahan sudah di sediakan dengan cukup selesa. Surau yang turut dilengkapi dengan penghawa dingin adalah merupakan satu bonus bagi para pengunjung dan memberikan keselesaan ketika mengerjakan solat," ujar beliau.

Sementara itu, bagi isteri Awang



**AWANG** Muhammad Syu'aib bin Sani dari Perumahan Kampung Rimba.

Muhammad Syu'aib, Dayang Siti Noor Khalidah binti Haji Omar juga memberikan pandangan yang sama.

"Alhamdulillah, di negara kitani, ruang solat iaitu surau sangat di ambil berat oleh pihak tertentu. Islam itu sebenarnya mudah. Kita boleh saja menunaikan ibadah dengan tenang tanpa perlu



**DAYANG** Siti Noor Khalidah binti Haji Omar.

tergesa-gesa untuk pulang ke rumah dengan adanya kemudahan yang disediakan. Cuma bagi saya, ada baiknya juga di sediakan ruang solat berasingan bagi perempuan dan lelaki demi menjaga aurat. Di samping itu, kebersihan ruang solat juga harus sentiasa dititikberatkan demi keselesaan para pengunjung," ujarnya.

### HASRAT NEGARA

## MPEC ditubuhkan bagi tangani isu pengangguran

Dari muka 2

Negara juga sedang meneroka inisiatif Blue Economy. Brunei Darussalam mempunyai sumber laut yang belum diteroka secara optima. Ini juga adalah satu peluang untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan menyumbangkan pekerjaan kepada anak-anak tempatan. Sehubungan itu, pihak-pihak yang berkepentingan diseru, supaya meneroka peluang-peluang untuk menyediakan program atau inisiatif 'Tenaga Hijau' bagi mempertahankan dan melindungi alam sekitar dalam jangka masa yang panjang.

Dalam masa yang sama, penglibatan orang ramai, penuntut-penuntut, pihak swasta dan NGOs, dikehendaki bekerjasama dengan agensi-agens kerajaan bagi sama-sama mengatasi isu dan penyebab pencemaran alam sekitar.

Di arena antarabangsa, kita akan terus memupuk dan mengeratkan hubungan serta kerjasama dengan negara-negara sahabat dan rakan kongsi ASEAN. Kita mesti mengambil peluang-peluang yang ada bagi sama-sama mencapai kestabilan dan pembangunan di bidang ekonomi, sosial, budaya, teknikal, saintifik dan pentadbiran. Negara Brunei Darussalam akan menjadi tuan rumah ASEAN pada

tahun 2021.

Beta mengambil peluang untuk merakamkan kegembiraan di atas pencapaian kontinjen negara semasa Sukan Asia Tenggara (SEA Games) Ke-30 baru-baru ini di Republik Filipina. Kejayaan yang telah diraih, boleh dijadikan kayu ukur, bahawa prestasi para atlet kita adalah meningkat, dibanding sejak tahun 1977 kita menyertainya. Syabas dan tahniah untuk semua.

Akhirnya, beta merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua peringkat warga perkhidmatan awam, termasuk mereka yang berkhidmat di sektor swasta serta pasukan-pasukan keselamatan,

di atas usaha gigih mereka melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing di sepanjang tahun 2019.

Beta dan keluarga beta juga tidak lupa merakamkan ucapan Selamat Tahun Baharu Masihi 2020 kepada seluruh rakyat dan penduduk di negara ini, termasuk mereka yang berada di luar negara. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa melimpahkan rahmat-Nya kepada kita semua dan menjadikan Negara Brunei Darussalam kekal aman dan sejahtera di bawah perlindungan Allah. Amin.

Sekian, *Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalaamu 'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.*



# CF 2020 akan tampilkan lebih ramai usahawan dalam, luar negara



Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

bermula dari 15 hingga 19 Januari itu nanti akan menggabungkan para usahawan tempatan yang tidak kurang hebatnya di samping penyertaan dari luar negara untuk sama-sama memeriahkan CF 2020 yang akan berlangsung pada pertengahan bulan ini.

Sehubungan itu, pesta besar-besaran itu di dahului dengan majlis menandatangani perjanjian di antara D'Sunlit Sendirian Berhad dengan lebih 20 agensi iaitu rakan penganjur rasmi untuk kali Ke-24 ini.

Menandatangani bagi pihak penganjur utama CF Ke-24, 2020 pada majlis yang berlangsung di Dewan Serbaguna D'Sunlit Sdn. Bhd. di sini ialah Pengarah D'Sunlit, Dato Paduka Haji Danial bin Haji Hanafiah. Juga hadir, Pengurus Operasi D'Sunlit, Ngu Tiing Siang.

Kemeriahan CF Ke-24 ini juga masih menentangakan penampilan Keluarga CF, iaitu Babah, Babu, Boboi dan Alai dalam memberikan panduan bagi tawaran terbaik, mempromosi dan aktiviti-aktiviti menarik sepanjang pesta berkenaan.

Bukan itu sahaja, CF kali ini juga akan memberikan pelbagai daya tarikan kepada para pengunjungnya antaranya Oriental Town, Lantern Making, Toy

Donation Drive dan yang paling meriah nanti ialah jualan gudang permainan.

Pesta Pengguna yang bercorak kekeluargaan ini juga menyediakan pusat penjagaan kanak-kanak, Kindy Kare International dengan inisiatifnya memberikan kemudahan kepada para ibu bapa dan penjaga agar lebih selesa membeli-belah selain hadiah-hadiah yang menarik menanti semasa berkunjung di CF itu nanti.

CF kali ini juga disokong oleh Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) yang melaksanakan 'No Plastic Day Every Day' dan dari itu pihak penganjur juga mengeluarkan beg khas Keluarga CF yang boleh dibeli di beberapa lokasi dalam Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas itu nanti.

Orang ramai diharap akan dapat berkunjung beramai-ramai dalam memudahkan untuk mendapatkan pelbagai barangan keperluan rumah, makanan dan sebagainya dalam satu tempat, di samping menikmati tawaran harga yang sangat berpatutan dan istimewa dari jam 10:00 pagi hingga 10:00 malam kecuali Jumaat ditutup dari jam 12:00 tengah hari sehingga 2:00 petang bagi menghormati Sembahyang Fardu Jumaat.

PENGARAH D'Sunlit, Dato Paduka Haji Danial bin Haji Hanafiah (dua, kiri) bertukar dokumen penandatanganan perjanjian bersama wakil salah sebuah agensi, iaitu rakan penganjur rasmi bagi Pesta Pengguna (CF 2020) Kali Ke-24.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 3 Januari. - Pesta Pengguna (CF 2020) kali ini bakal digegarkan lagi dengan pelbagai

promosi hebat dan aktiviti menarik untuk para pengunjung ke pesta tersebut. Acara ini sememangnya dinantikan oleh

penduduk di negara ini saban tahun dan sambutan yang sangat menggalakkan.

Tahun ini, pesta lima hari

## مقرر كنلكن اقليكاسي موده اليه جابتن قرغن




Memperkenalkan  
**Aplikasi Mudah Alih  
Jabatan Penerangan**

**InfoDeptBN**

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
- Pelaksanaan Yang **Cepat Dan Mudah**
- Menjurus Ke Arah **Paperless Dan Green IT**

**Gunakanlah Aplikasi Kami!**

Dapatkan aplikasi dan muat turun di



'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'



# Pelancong tertarik keunikan Pasar Pelbagai Barangan Gadong



MI Ting Dang yang berasal dari Beijing, Republik Rakyat China tertarik dengan jualan makanan dan kuih muih di Pasar Pelbagai Barangan Gadong.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 2 Januari. - Negara Brunei Darussalam mempunyai banyak tempat-tempat menarik yang menjadi tumpuan para pelancong yang datang dari luar negara.

Salah satu tempat yang menjadi tarikan para pelancong ialah Pasar Pelbagai Barangan Gadong.

Ketika berkunjung ke petak-petak jualan di Pasar Pelbagai Barangan Gadong baru-baru ini, Pelita Brunei berpeluang membuat pendekatan bersama dengan salah seorang pelancong dari Republik

Rakyat China.

Mi Ting Dang yang berasal dari Beijing berkata, ini merupakan kunjungan pertama ke Negara Brunei Darussalam dan beliau sangat tertarik dengan makanan-makanan yang dijual di Pasar Pelbagai Barangan Gadong.

Menyentuh mengenai makanan-makanan yang dijual jelasnya, ia begitu berbeza dengan makanan dari tempat asalnya dan beliau begitu teruja untuk mencuba makanan-makanan tempatan yang terdapat di pasar tersebut.

Menurut Mi Ting Dang yang

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Hamzah Mohidin

berada di negara ini selama lima hari berkata, jika ada peluang beliau setentunya akan melancong ke Negara Brunei Darussalam lagi pada masa akan datang.

Sejak mula beroperasi secara rasminya pada 2 Februari 2017, Pasar Pelbagai Barangan Gadong telah menarik ramai pengunjung dari dalam dan luar negara bagi keperluan pelbagai makanan dan

minuman.

Bagi mereka yang berkunjung ke sana sudah setentunya akan berasa sangat selesa dengan kemudahan-kemudahan prasarana yang lengkap termasuk tempat duduk dan meja makan; tandas berasingan bagi lelaki dan perempuan; dan sebuah surau yang boleh memuatkan kira-kira 40 orang jemaah.



SUASANA Pasar Pelbagai Barangan Gadong yang menjadi tumpuan para pelancong yang datang dari dalam dan luar negara.



## Lelaki terselamat apabila kereta terbakar

**LUMUT,** Khamis, 2 Januari. - Seorang lelaki tempatan berjaya menyelamatkan diri sebelum kereta beliau terbakar selepas melanggar tiang lampu di tengah penghadang jalan raya.

Menurut Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), kejadian berlaku di Lebuhraya Lumut By Pass pada 1 Januari lepas dalam jam 1:12 tengah hari.

Selepas menerima panggilan kecemasan, Balai Bomba Sungai Liang dan Balai Bomba Spark segera ke lokasi kejadian bersama dua buah jentera dan sembilan anggota bomba yang diketuai Pmk. DSO Md. Helmi bin Abdullah.

Apabila tiba di lokasi kejadian,

kereta mangsa iaitu Kia Cerato berwarna merah telah terbakar keseluruhannya.

Kebakaran berpunca daripada hentakan yang kuat di tangki minyak di bahagian belakang kereta akibat melanggar tiang lampu tersebut dan anggaran kerugian masih dalam siasatan.

Pihak JBP menasihatkan orang ramai agar melengkapkan kenderaan masing-masing dengan alat pemadam api jenis Dry Chemical Powder.

Para pengguna juga diingatkan agar sentiasa memastikan kenderaan mereka dalam keadaan baik dan selamat secara keseluruhan sebelum digunakan seperti memastikan kesemua

sistem pendawaian dalam keadaan sempurna dan pastikan tidak ada sebarang kerosakan dan penyambungan hendaklah dalam keadaan kancang.

Orang ramai juga dinasihatkan untuk memastikan mana-mana pengubahsuaian atau penambahan sistem elektrik enjin dan aksesori kereta serta pendawaian hendaklah mengikut piawaian yang betul oleh mekanik yang bertauliah kerana arus elektrik kenderaan yang tinggi boleh menyebabkan kabel terbakar dan kebakaran.

Pengguna jalan raya juga diingatkan agar sentiasa berhati-hati serta mematuhi undang-undang dan peraturan

Siaran Akhbar dan Foto :  
Jabatan Bomba dan Penyelamat

jalan raya seperti arahan papan tanda keselamatan dan lampu isyarat, memberikan tumpuan dan berwaspada ketika memandu, menggunakan tali pinggang keselamatan semasa memandu, peka dan awas terhadap perubahan alam sekeliling terutama ketika hujan, jalan licin dan penglihatan terhad terutama sekali pada waktu malam.

Juga ditekankan agar sentiasa mengamalkan sikap bertolak ansur sesama pengguna jalan raya lain bagi mengelakkan sebarang kemalangan.

Jika berlaku sebarang insiden kecemasan hendaklah berhubung terus kepada pusat gerakan JBP melalui talian kecemasan 995 dan memberikan maklumat yang tepat.



KERITA yang dimiliki oleh lelaki tempatan hangus terbakar selepas melanggar tiang lampu di tengah penghadang jalan raya di Lebuhraya Lumut By Pass pada 1 Januari lepas.

## Pembukaan lampu isyarat baharu, persimpangan Jalan Perdana Menteri / Jalan Stadium, 4 Januari

Siaran Akhbar : Jabatan Kerja Raya

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 2 Januari. - Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai, terutama kepada para pengguna jalan raya mengenai pembukaan lampu isyarat baharu di persimpangan Jalan Perdana Menteri / Jalan Stadium.

Pembukaan lampu isyarat tersebut kepada orang ramai bermula Sabtu, 4 Januari 2020, jam 9:00 pagi.

Sehubungan itu, pihak jabatan ingin mengingatkan kepada para pengguna jalan raya, khususnya yang tinggal berhampiran di kawasan tersebut supaya akan sentiasa berhati-hati apabila melalui kawasan berkenaan, di samping mematuhi papan tanda jalan raya demi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diinginkan.

Sebarang aduan, orang ramai bolehlah menghubungi pihak jabatan ini menerusi Talian Darussalam 123 atau Livechat +673 8333123 atau Facebook *Jabatan Kerja Raya, Brunei Darussalam* atau e-mel ke [pro@pwd.gov.bn](mailto:pro@pwd.gov.bn).



# UNISSA adakan lawatan sambil belajar ke luar negara

Siaran Akhbar dan Foto :  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

VIET NAM, Khamis, 2 Januari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm) mengadakan Program Lawatan sambil Belajar ke Viet Nam, Saigon dan Ben Tre pada 22 hingga 29 Disember 2019.

Program Lawatan Sambil Belajar ke Luar Negara merupakan program tahunan FEKIm UNISSA.

Ini merupakan Kali Ke-3 ia diadakan, sebelumnya ke Kuala Lumpur, Malaysia pada tahun 2016; dan Jakarta, Indonesia pada tahun 2018.

Pada tahun ini, program tersebut mendapat sokongan daripada LiveWIRE Brunei. Seramai 10 orang menyertai lawatan, terdiri daripada tiga pensyarah dan empat orang pelajar FEKIm.

Menyertai rombongan UNISSA, tiga peserta LiveWIRE Brunei, iaitu Pengarah Program LiveWIRE Brunei, Pengiran Redzuan bin Pengiran Haji Abbas; Kaunselor Kanan Perniagaan LiveWIRE Brunei, Awang Mohammad Fadhilullah Tudun bin Haji Hassan; dan Pengurus JOCON Contractor, Awang Johari bin Ibrahim yang merupakan anak didik LiveWIRE Brunei, di mana berjaya menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Rombongan lawatan diketuai oleh Dekan FEKIm, Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani.

Tema Lawatan sambil Belajar ke Luar Negara pada tahun ini,



**ROMBONGAN** Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm) mengadakan Program Lawatan sambil Belajar ke Viet Nam, Saigon dan Ben Tre pada 22 hingga 29 Disember 2019 lepas.

'Eksplorasi Business Startup'. Viet Nam dipilih sebagai lokasi strategik lawatan kerana negara tersebut dinobatkan sebagai salah sebuah hab terbaik di dunia dalam bidang 'business startup'.

Matlamat utama lawatan ialah untuk menimba ilmu pengetahuan dan pengalaman mengenai praktik perniagaan yang dapat dikembangkan dalam kurikulum pengajaran di FEKIm, di samping melihat peluang kerjasama di antara FEKIm bersama beberapa buah universiti dan industri di Viet Nam, khususnya dalam pengembangan Program Pengajian ke Seberang Laut (Study Abroad

Programme), Program Pertukaran Pelajar (Students Exchange Programme), dan Program Latihan Industri Seberang Laut (Overseas Attachment and Internship Programme).

Di Saigon, lawatan diadakan ke Quang Trung Software City (QTSC), Information Technology Park (ITP), Van Lang University, dan University of Economics and Finance (UEF). Di Ben Tre, lawatan diadakan ke Mekong Software and Innovation Technology Park, dan University of Tien Gian.

Selain daripada aktiviti lawatan, rombongan UNISSA juga

menghadiri Sesi Ceramah Business Startup, disampaikan oleh lima orang pembentang, iaitu Dr. Huynh Nhut Nghia dengan 'Viet Nam Startup Landscape'; Will Frith dengan 'Speciality Coffee in Viet Nam : Saigon and Dalat'; Phan Vu Giap dengan 'Beehexa : Connecting Applications and Automating Business Operation'; Pengiran Redzuan bin Pengiran Haji Abbas dengan 'Accelerating Ideas : All about LiveWIRE Brunei'; dan Awang Johari bin Ibrahim dengan 'Entrepreneurship Talk : JOCON Contractor'.

Selain itu, rombongan lawatan berkesempatan melihat bagaimana

perniagaan dijalankan di beberapa buah perusahaan, seperti perusahaan madu kelapa, dodol daripada santan kelapa, Paper Rice, pertukangan tangan barang anyaman daripada daun jerami, industri pembuatan bata dan perniagaan penduduk tempatan di China Town dan Ben Than Market.

Program Lawatan sambil Belajar ke Luar Negara akan terus menjadi platform penting dalam memperkasa program yang ditawarkan oleh FEKIm, UNISSA seiring dengan keperluan negara dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

# Anak damit perempuan ditemui

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BRUNEI MUARA, Khamis, 2 Januari. - Seorang anak damit perempuan yang baru lahir, seberat 680 gram ditemui pada petang kelmarin, 1 Januari 2020.

Anak damit tersebut didapati dalam keadaan bogel dan hanya berbalut dengan tuala juga diletakkan di atas kotak di kawasan Stesen Elektrik Lebuhraya

Muara Tutong.

Berikutan dengan insiden penemuan tersebut, Balai Polis Muara, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) segera dimaklumkan bagi tindakan mengenainya.

Pemeriksaan perubatan ke atas anak damit perempuan itu segera dijalankan dan pada masa ini, anak damit berkenaan ditempatkan di Unit Rawatan Rapi Anak Damit, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Bandar Seri Begawan dan sekarang berada dalam keadaan stabil.

Kes ini diambil alih terus oleh Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak, Jabatan Siasatan Jenayah untuk siasatan lanjut.

Sehubungan itu, Jabatan Pembangunan Masyarakat juga dimaklumkan bagi keperluan kesejahteraan dan kebajikan anak damit tersebut.

Tiada penangkapan dibuat setakat ini berkaitan dengan kes berkenaan.

PPDB meminta kerjasama daripada orang ramai untuk memberikan apa-apa maklumat yang boleh membantu penyiasatan kes ini.



**KOTAK** berlabel dengan nama 'Noi' tempat anak damit perempuan yang baru lahir ditemui pada 1 Januari 2020.

Orang ramai boleh menghubungi Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak menerusi talian +673 2459500 sambungan 496 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau melaporkan ke Balai-balai Polis berdekatan.

Orang ramai juga boleh menyalurkan maklumat ke Laman Sesawang [www.police.gov.bn](http://www.police.gov.bn) atau mesej terus ke Instagram @upa.ppdb.

Kes itu adalah kes pembuangan anak damit pertama yang dilaporkan pada tahun ini dan kes kedua yang dilaporkan dalam

masa sebulan.

Kes sebelumnya adalah kes penemuan anak damit lelaki, seberat 3.45 kg di Jalan Pasai Sengkurang yang dilaporkan pada 18 Disember 2019.

Pihak Polis melalui Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak, Jabatan Siasatan Jenayah berjaya menjalankan siasatan, di mana suspek berjaya dikesan dan dikenal pasti.

Pihak Polis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada masyarakat atas bantuan yang diberikan.



**LOKASI** penemuan anak damit perempuan yang baru lahir di kawasan Stesen Elektrik Lebuhraya Muara Tutong.



# Semai semangat patriotisme pelajar



**PENOLONG** Pegawai Penerangan, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin, selaku Ketua Penerangan Cawangan Tutong ketika menyampaikan taklimat bertajuk 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam'.

**TUTONG**, Khamis, 2 Januari. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan terus giat menyemai semangat patriotisme dalam kalangan penuntut-penuntut sekolah untuk menghormati serta menjiwai lagu kebangsaan dan bendera negara.

Sehubungan itu, murid-murid Sekolah Rendah Bakiau di Mukim Kiudang berpeluang mendengarkan taklimat bertajuk 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin, selaku Ketua Penerangan Cawangan Tutong.

Seramai 54 murid terdiri daripada pelajar Tahun 1 hingga Tahun 6 menghadiri taklimat tersebut yang diadakan di Dewan Serbaguna sekolah berkenaan.

Antara lain yang disampaikan ialah sejarah awal hidup Raja Kita, iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebelum menaiki takhta

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

sehingga sekarang.

Selain itu, taklimat juga diisikan dengan asal usul Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan sejarah penciptaan bendera negara, tatacara menaik-kibarkan bendera di rumah-rumah premis perniagaan

serta bangunan-bangunan, tayangan klip video dan diakhiri dengan Kuiz Kenegaraan.

Penyampaian hadiah kepada 10 peserta kuiz disempurnakan oleh Guru Besar Sekolah Rendah Bakiau, Dayang Mariana binti Abdullah Maduan.



**MURID-MURID** Sekolah Rendah Bakiau, Mukim Kiudang berpeluang mendengarkan taklimat dari Jabatan Penerangan.



**SALAH** seorang murid Sekolah Rendah Bakiau menyertai Peraduan Kuiz yang dianjurkan oleh Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan (atas). Sementara gambar kanan, seramai 54 murid pelajar Tahun 1 hingga Tahun 6 menghadiri taklimat tersebut.



**GURU** Besar Sekolah Rendah Anggerek Desa, Dayang Mardiah binti Wahab.



**LEONEIL** Andrey bin Leroy Dewey (kiri) dan Awang Mohd. Ihya Baqeer bin Haji Mohd. Ardini (kanan) antara 228 pelajar yang memulakan sesi persekolahan di sekolah tersebut.



## Tanam azam tingkat pencapaian persekolahan

berkata, beliau berasa teruja kembali ke sekolah pada hari pertama tahun baharu hari ini.

Beliau yang meminati pelajaran Matematik dan Pendidikan Jasmani itu berhasrat untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi, seterusnya mencapai cita-cita beliau untuk menjadi seorang Juruterbang.

Leoneil Andrey dan Awang Mohd. Ihya Baqeer adalah antara 228 pelajar yang memulakan sesi persekolahan di Sekolah Rendah (SR) Anggerek Desa hari ini.

Guru Besar SR Anggerek Desa, Dayang Mardiah binti Wahab berkata, pihak sekolah fokus kepada meningkatkan kesedaran pelajar dari segi *growth mindset*, antaranya dengan mengadakan aktiviti sukan pada 4 Januari

nanti bagi mempersiapkan para pelajar dalam memulakan sesi persekolahan pada tahun baharu.

"Tentu sahaja harapan pihak sekolah di tahun baharu ini adalah bagi meningkatkan potensi para pelajar terutama dari segi pendidikan holistik.

"Kami bukan sahaja fokus kepada pembelajaran akademik semata-mata, tetapi kami cuba untuk seimbangkan dengan pendidikan rohani, jasmani dan akli. Kami percaya bahawa fizikal yang sihat dalam kalangan pelajar akan melahirkan minda yang sihat," jelas beliau.

Menurutnya, pihak sekolah turut berusaha untuk mempertingkatkan lagi keputusan PSR pada tahun ini, di samping meningkatkan latihan para pelajar dalam pembacaan dan pemahaman bahasa Inggeris.

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

**BERAKAS**, Khamis, 2 Januari. - Para pelajar di seluruh negara memulakan Sesi Persekolahan bagi Tahun 2020 hari ini setelah bercuti selama lebih sebulan.

Keterujaan dan semangat untuk memulakan hari pertama sesi persekolahan pasti dirasai oleh para pelajar, lebih-lebih lagi apabila berjumpa kawan-kawan bagi berkongsi pengalaman

semasa cuti sekolah.

Leoneil Andrey bin Leroy Dewey berkata, beliau berasa sangat gembira kerana dapat berjumpa kembali kawan-kawannya dan belajar bersama mereka.

Beliau yang berada di Tahun 6, akan menduduki peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) pada tahun ini, berazam untuk

belajar bersungguh-sungguh dengan menumpukan perhatian ketika guru mengajar di kelas dan mengulang kaji pelajaran di rumah.

"Saya berharap untuk mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan berkenaan dan meneruskan persekolahan di Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan," katanya semasa ditemu bual.

Sementara itu, Awang Mohd. Ihya Baqeer bin Haji Mohd. Ardini



# Kegembiraan hari pertama sekolah



PELBAGAI gelagat murid-murid di Sekolah Rendah Muda Hashim, Daerah Tutong ketika memulakan musim persekolahan mereka pada tahun ini (atas, kiri dan bawah).

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

**TUTONG**, Khamis, 2 Januari. - Semua pelajar sekolah di seluruh negara hari ini kembali bersekolah dan memulakan pembelajaran mereka setelah lebih sebulan bercuti.

Sekolah kini kembali riuh dengan gelagat murid-murid yang gembira bertemu semula rakan-rakan mereka untuk memulakan penggal persekolahan pertama tahun 2020.

Pelita Brunei hari ini membuat tinjauan ke salah sebuah sekolah di Daerah Tutong, iaitu Sekolah

Rendah Muda Hashim bagi menyaksikan suasana di sekolah berkenaan.

Di sini, murid-murid kelihatan sangat gembira bertemu rakan masing-masing dengan pakaian serba baharu dan juga bertemu teman baharu.

Juga tidak ketinggalan, guru-guru begitu sibuk, mengatur dan membuat persediaan yang rapi untuk mengajar murid-murid mereka pada tahun ini.

Pelita Brunei berkesempatan menemu bual salah seorang pelajar

Tahun 5, Awang Noor Waiz bin Awang Fendi yang melahirkan rasa gembira memulakan persekolahan di sekolah berkenaan.

Jelasnya, beliau akan belajar bersungguh-sungguh dan akan menumpukan perhatian pada setiap pelajaran yang diajar oleh guru.

Menyentuh mengenai persediaan persekolahan, jelasnya, beliau telah membuat persediaan awal sebelum menjelang buka sekolah dengan menyediakan buku, peralatan sekolah dan pakaian seragam sekolah agar tidak kelim kabut.



## Restoran makanan segera terbakar



KEBAKARAN kecil berlaku berpunca daripada dapur di Restoran Jolibee, Seria Plaza. Kejadian berlaku sekitar jam 7:58 pagi, Rabu lepas.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat, Cawangan Operasi 'B', Daerah Belait

**SERIA**, Khamis, 2 Januari. - Satu kebakaran kecil berlaku di Restoran Jolibee, Seria Plaza, milik seorang lelaki cina, warganegara Brunei Darussalam. Kejadian berlaku sekitar jam 7:58 pagi, Rabu lepas.

Kebakaran dipercayai berpunca daripada dapur restoran. Punca api dipercayai daripada penyambungan yang longgar di bahagian penyambungan lampu dalam *kitchen hood* untuk mesin *griddle*.

Pegawai Mengetuai Balai Bomba Seria, ASO Md. Zulkifli bin Md. Tahir mengesahkan bahawa tidak ada yang kecederaan dilaporkan semasa kejadian berlaku.

Menurut Siaran Akhbar yang dikeluarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, Cawangan Operasi 'B', Daerah Belait menyatakan, setiba anggota Bomba seramai tiga orang ke tempat kejadian, didapati api kecil yang melibatkan pendawaian di bahagian lampu dalam *kitchen hood* untuk mesin *griddle* yang digunakan membuat *burger*, namun api dapat dipadamkan dalam masa satu minit.

Ahli-ahli Bomba bertindak memadam api menggunakan satu silinder alat pemadam api, jenis Carbon Dioxide (CO2), seberat 2.5kg, di mana jumlah kerugian dianggarkan lebih kurang BND800.

## Berazam mendapatkan keputusan cemerlang

**TEMBURONG**, Khamis, 2 Januari. - Setelah lebih sebulan Cuti Persekolahan tahun 2019, seluruh sekolah di negara ini kembali meriah dengan pelbagai gelagat murid-murid yang begitu bersemangat memulakan penggal persekolahan pertama tahun 2020.

Sekolah Rendah Puni Temburong menjadi pilihan tinjauan Pelita Brunei bagi menyaksikan pelbagai kerenah dan perasaan kanak-kanak yang begitu gembira dan teruja dengan suasana sekolah sambil berpakaian serba baharu, bertemu kembali kawan-kawan dan tidak ketinggalan menyaksikan gelagat sibuk guru-guru mengendalikan aktiviti sekolah.

Aktiviti seawal pagi di sekolah tersebut dimulakan dengan perbarisan murid-murid dan menaikkan Bendera Negara Brunei Darussalam seterusnya menyanyikan lagu kebangsaan dan membaca doa sebelum memulakan persekolahan.



SERONOK dapat berjumpa dengan kawan-kawan dan cikgu-cikgu... Awang Md. Raffael bin Haji Md. Salleh, Pelajar Tahun 6.



PELAJAR Tahun 6, Dayang Amal Syafa Cahya binti Nayan berumur 11 tahun melahirkan rasa gembira memulakan persekolahan.

Berita dan Foto : Muhammad Akmal Haji Ali

Setelah itu, murid-murid dan para guru Sekolah Rendah Puni beredat ke dewan bagi melakukan aktiviti yang seterusnya, iaitu membaca doa beramai-ramai untuk mendapat keberkatan dalam menjalankan urusan pengajaran dan pembelajaran, sesi suai kenal guru-guru dan murid-murid, menyanyikan lagu rasmi Sekolah Rendah Puni dan sebagainya.

Pelita Brunei berkesempatan menemu bual pelajar Tahun 6, Dayang Amal Syafa Cahya binti Nayan berumur 11 tahun melahirkan rasa gembira memulakan persekolahan dan berazam akan belajar bersungguh-sungguh untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang bagi Peperiksaan Sekolah Rendah (PSR).

"Saya berasa seronok kerana

dapat berjumpa lagi dengan kawan-kawan dan cikgu-cikgu di sekolah. Tahun ini saya berazam untuk lebih fokus dalam belajar, hormat guru untuk mendapatkan berkat belajar, belajar dengan rajin untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan," ujar Awang Md. Raffael bin Haji Md. Salleh yang merupakan Pelajar Tahun 6 yang tinggal di Kampung Puni, Temburong.

Sementara itu, Guru Besar Sekolah Rendah Puni bersama guru-gurunya melahirkan harapan agar akademik tahun 2020 akan membawakan kecemerlangan terhadap pembelajaran pelajar-pelajar dan akan dapat menghasilkan kualiti pembelajaran yang lebih cemerlang.





**IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI [www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

**PERATURAN 7(A)  
BILANGAN IKLAN 01/01/20 (SPA/BIKL)**

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**TARIKH IKLAN : 04 JANUARI 2020  
TARIKH TUTUP : 18 JANUARI 2020**

**1. PEMERIKSA TANAH  
D.1-2-3 EB.4-5 (BAHAGIAN IV)  
JABATAN TANAH  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
KEKOSONGAN = SATU (01)  
2019/0052/01**

**PERATURAN 38(A)  
BILANGAN IKLAN 01/2020 (SPA/BIKL)**

Khusus bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**TARIKH IKLAN: 04 JANUARI 2020  
TARIKH TUTUP: 18 JANUARI 2020**

<p><b>1. PENGARAH PENGANGKUTAN SUPERSCALE C (BAHAGIAN I) KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI KEKOSONGAN = SATU (01) 2019/0051/02</b></p>	<p><b>2. PENGARAH BELIA DAN SUKAN SUPERSCALE C (BAHAGIAN I) JABATAN BELIA DAN SUKAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN KEKOSONGAN = SATU (01) 2019/0051/05</b></p>	<p><b>3. PENGARAH PERHUBUNGAN (KOMUNIKASI) SUPERSCALE C (BAHAGIAN I) KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI KEKOSONGAN = SATU (01) 2019/0051/09</b></p>
<p><b>4. TIMBALAN PENERUSI LEMBAGA BANDARAN KUMPULAN 2 (BAHAGIAN I) JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI KEKOSONGAN = SATU (01) 2019/0052/03</b></p>		

**PERATURAN 38(B)  
BILANGAN IKLAN: 02/2020 (SPA/BIKL)**

Khusus bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian Pendidikan sahaja.

**TARIKH IKLAN: 04 JANUARI 2020  
TARIKH TUTUP: 18 JANUARI 2020**

**1. PEGAWAI PELAJARAN KANAN  
G.15 (BAHAGIAN II)  
JABATAN PENGURUSAN PENDIDIKAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
KEKOSONGAN = SATU (01)  
2019/0052/04**

**UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:**

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan Quicklinks dan FAQ's di [www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

Sebarang pertanyaan mengenai keputusan-keputusan *shortlisting*, hal ehwal ujian dan temuduga hendaklah menghadapkan ke Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam melalui e-mel [query@spa.gov.bn](mailto:query@spa.gov.bn)



JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN

**BILANGAN :**  
JKR / RFQ / DOD / 03 / 2019

**NAMA PROJEK :**  
**REQUEST FOR QUOTATION (RFQ)  
ARCHITECT CONSULTANCY  
SERVICES FOR THE PROPOSED  
UTB PHASE 4 - SCHOOL APPLIED  
SCIENCES AND MATHEMATICS  
BUILDING, UNIVERSITI  
TEKNOLOGI BRUNEI**

**YURAN TAWARAN :**  
BND100.00 (TIDAK  
DIKEMBALIKAN)

**TARIKH TUTUP TAWARAN PADA :**  
14 JANUARI 2020 (SELASA)



JABATAN PENGAJIAN  
ISLAM  
KEMENTERIAN HAL  
EHWAL UGAMA



**BILANGAN SEBUT HARGA :**  
1) KHEU / JPI / JKS / 19 / 2019 - 2020

**KETERANGAN :**  
**MEMBEKAL DAN MENGHANTAR  
PERALATAN KERUSI DEWAN  
MULTIPURPOSE HALL BAGI  
SEKOLAH MENENGAH ARAB  
RIMBA,  
JABATAN PENGAJIAN ISLAM,  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
UGAMA TAHUN 1441H/2020M**

**BAYARAN YURAN TAWARAN :**  
**TIDAK DIKENAKAN BAYARAN**

**TARIKH TUTUP TIDAK LEWAT PADA :**  
**RABU, 26 JAMADILAWAL 1441H /  
22 JANUARI 2020M  
TIDAK LEWAT JAM  
2.00 PETANG**



OUTWARD BOUND  
BRUNEI DARUSSALAM  
(OBBB)

**BILANGAN SEBUT HARGA :**  
KKBS / OBBB / F-004 (08-2019)

**MEMBEKAL PERALATAN /  
MEMBEKAL DAN MEMBUAT  
KONKRIT DI KAWASAN LUAR  
PEJABAT BARU OUTWARD  
BOUND BRUNEI DARUSSALAM  
(OBBB)**

**TARIKH TUTUP SEBUT HARGA :**  
KHAMIS, 9 JANUARI 2020  
JAM 2.00 PETANG



KEMENTERIAN PERTAHANAN

**PEMBERITAHUAN TAWARAN**

Garison.

**TAWARAN NO. 1 :**  
MINDEF / DFA / 2019 / NV / TA / 08  
MEMBAIKPULIH INTERCEPTOR  
TANK DI POL BRAVO TENTERA  
LAUT DIRAJA BRUNEI

**Waktu bagi menerima bayaran  
dan mendapatkan borang tawaran :**  
Isnin hingga Khamis  
8.00 Pagi hingga 12.00 Tengah Hari  
2.00 Petang hingga 3.00 Petang  
Jumaat  
8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi

**INFO DAY :**  
30 DISEMBER 2019

**TENDER FEE :**  
BND10.00 (tidak dikembalikan)

**TARIKH TUTUP :**  
7 Januari 2020

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi di Unit Tender, Blok D, Tingkat Bawah, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Kementerian Pertahanan, Bolklah Garison semasa hari-hari bekerja.

Bayaran yuran tawaran (tender fee) hendaklah dibayar di Unit Kaunter, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Blok C, Tingkat 1, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Kementerian Pertahanan, Bolklah







**PASUKAN POLIS  
DIRAJA BRUNEI  
JABATAN PERDANA  
MENTERI**

1. T / 003 / RBPf-HQ / 2019-B  
KERJA-KERJA MENGUBAHSUAI  
DAN MEMPERBAIKI KEROSAKAN  
BLOCK F2 UNIT NO. 1 HINGGA 6  
(JKR 1626) SPO FLAT KAWASAN  
PERUMAHAN  
BALAI POLIS MUARA,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.  
Yuran Tawaran : BND30.00  
(tidak dikembalikan)

Tarikh tutup :  
Selasa, 21 Januari 2020,  
tidak lewat jam 2.00 Petang



**JABATAN  
RADIO DAN TELEVISYEN  
BRUNEI  
JABATAN PERDANA  
MENTERI**



**NOTIS SEBUT HARGA**

**TENDER NO. :**  
RTB / K / 184 / 19 - 20  
SUPPLY AND DELIVERY OF  
LAPTOPS FOR RESEARCH OFFICERS

**Bayaran tawaran :**  
BND5.00 (tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup :**  
Rabu, 8 Januari 2020 (jam 2.00 Petang)



**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
KEMENTERIAN TENAGA**

**JEMPUTAN UNTUK MEMBERI  
TAWARAN**

**BILANGAN TAWARAN :**  
JPE / LTK / PDP / 058 / 2019

**TAJUK TAWARAN :**  
INSTALLATION OF 11KV RING  
CIRCUIT NETWORKS BETWEEN  
SEKOLAH PANAGA SUBSTATION  
AND PANAGA HOUSING NO. 9  
SUBSTATION, BELAIT DISTRICT

**TARIKH TUTUP :**  
14 JANUARI 2020 / SELASA  
(JAM 2.00 PETANG)

**YURAN TAWARAN :**  
BND100.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)



**KEMENTERIAN  
KEWANGAN DAN  
EKONOMI**



**PEMBERITAHUAN SEBUT HARGA**  
Tajuk Sebut Harga :  
Pengubahsuaian Tempat Letak Kereta  
Bertingkat, Bangunan  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi

**Bilangan Sebut Harga :**  
MOFE / Q / 2019-5

**Tarikh tutup :**  
Sabtu, 11 Januari 2020,  
tidak lewat dari jam 2.00 Petang.



**JABATAN KEMAJUAN  
PERUMAHAN  
KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN**

Projek :  
PERUMAHAN NEGARA KG. TANAH  
JAMBU, FASA 7,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
No. Projek : JKP / 10 / 2019

Tarikh Tutup Tawaran :  
Selasa, 25 Februari 2020

Yuran Tawaran :  
BND5,000.00 (Tidak dikembalikan)



**UNIVERSITI BRUNEI  
DARUSSALAM**

**BIL. TAWARAN :**  
UBD / ES / 018 / 2019

**KETERANGAN :**  
TO SUPPLY, DESIGN, TESTING &  
COMMISSIONING OF ONE (1) UNIT  
LABORATORY BIOMASS REACTOR  
USING SEMI FLOW HOT  
COMPRESSED WATER SYSTEM C/W  
TWO (2) UNITS DOUBLE PLUNGER  
PUMP WITH CONTROLLER, CAMES,  
UBD

**BAYARAN DOKUMEN  
DAN PENTADBIRAN :**  
BND10.00 (tidak dikembalikan)

**Tarikh tutup :**  
Tidak lewat jam 2.00 PETANG pada  
SELASA, 21 JANUARI 2020.



**KEMENTERIAN KESIHATAN**

**PEMBERITAHUAN TAWARAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TAWARAN**

**BILANGAN TAWARAN :**  
KK / 264 / 2019 / 2020 / TUT (TC)

**KETERANGAN :**  
PROVISION OF CATERING SERVICES  
TO THE PENGIRAN MUDA MAHKOTA



**PENGIRAN MUDA HAJI  
AL-MUHTADEE BILLAH  
(PMMPMHAMB) HOSPITAL,  
NATIONAL ISOLATION CENTRE AND  
TUTONG DIALYSIS CENTRE FOR A  
PERIOD OF FIVE (5) YEARS**

**YURAN TAWARAN :**  
BND500.00

**BILANGAN TAWARAN :**  
KK / 266 / 2019 / 2020 / UPP(TC)  
**KETERANGAN :**  
SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICAL  
CONSUMABLE ITEMS FOR EYE  
CLINIC AT RAJA ISTERI PENGIRAN  
ANAK SALEHA (RIPAS) HOSPITAL FOR  
A PERIOD OF THREE (3) YEARS

**YURAN TAWARAN :**  
BND30.00

**BILANGAN TAWARAN :**  
KK / 267 / 2019 / 2020 / HTD  
**KETERANGAN :**  
SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION,  
TESTING AND COMMISSIONING ONE  
(1) UNIT OF ULTRASONIC  
DEBRIDEMENT MACHINE FOR RAJA  
ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA

**(RIPAS) HOSPITAL  
YURAN TAWARAN :**  
BND10.00

**BILANGAN TAWARAN :**  
PHARM / 268 / 2019 / 2020  
**KETERANGAN :**  
THE SUPPLY AND DELIVERY OF  
MEDICINES FOR THE DEPARTMENT  
OF PHARMACEUTICAL SERVICES,  
MINISTRY OF HEALTH  
**YURAN TAWARAN :**  
BND30.00

**BILANGAN TAWARAN :**  
PHARM / 269 / 2019 / 2020  
**KETERANGAN :**  
THE SUPPLY AND DELIVERY OF  
MEDICINES FOR THE DEPARTMENT  
OF PHARMACEUTICAL SERVICES,  
MINISTRY OF HEALTH  
**YURAN TAWARAN :**  
BND30.00

**BILANGAN TAWARAN :**  
KK / 270 / 2019 / 2020 / UPP(TC)  
**KETERANGAN :**  
SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICAL  
CONSUMABLE ITEMS (LOW PROFILE  
GASTROSTOMY FEEDING TUBE) FOR  
DEPARTMENT OF GENERAL  
SURGERY (PAEDIATRIC SURGERY) AT  
RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK  
SALEHA (RIPAS) HOSPITAL FOR A

**PERIOD OF THREE (3) YEARS  
YURAN TAWARAN :**  
BND10.00

**BILANGAN TAWARAN :**  
KK / 271 / 2019 / 2020 / UPP (TC)  
**KETERANGAN :**  
SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICAL  
CONSUMABLES FOR HOMEBASED  
NURSING UNIT, RAJA ISTERI  
PENGIRAN ANAK SALEHA (RIPAS)  
HOSPITAL FOR A PERIOD OF  
THREE (3) YEARS  
**YURAN TAWARAN :**  
BND10.00

**BILANGAN TAWARAN :**  
KK / 272 / 2019 / 2020 / UPP (TC)  
**KETERANGAN :**  
FIRE ALARM SYSTEM INTEGRITY  
TEST FOR HEALTH CENTRES AT  
BRUNEI/MUARA DISTRICT AND  
MINISTRY OF HEALTH COMPLEX  
BUILDING  
Eligibility For Tenderers:  
Registered With Ministry of Health and or  
Ministry (Syarikat Firma Perunding  
Mechanical & Electrical)  
**YURAN TAWARAN :**  
BND30.00

**TARIKH TUTUP :**  
14 JANUARI 2020  
Tidak lewat jam 2.00 Petang





**JABATAN RADIO DAN TELEVISYEN BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**NOTIS SEBUT HARGA**

**TENDER NO. :**  
RTB / K / 175 / 19 - 20  
PERFORM REPAIR WORKS AND  
REPLACEMENT FAULTY  
EQUIPMENT OF AIR-COOLED  
CHILLER NO. 2  
(30GX-267-A0419-PEE CARRIER)  
AT RTB BROADCASTING  
COMPLEX, SUNGAI AKAR

**Bayaran tawaran :**  
BND10.00 (tidak dikembalikan)

**TENDER NO. :**  
RTB / K / 180 / 19 - 20  
REPAIR WORK & REWINDING OF  
55kW INDUCTION MOTOR MAIN  
PUMP (BRAND ALLIANCE) OF FIRE  
HYDRANT SYSTEM INCLUDING  
TESTING & COMMISSIONING AT  
RTB BROADCASTING COMPLEX,  
SUNGAI AKAR

**Bayaran tawaran :**  
BND10.00 (tidak dikembalikan)

**TENDER NO. :**  
RTB / K / 181 / 19 - 20  
SUPPLY, DELIVERY &

**INSTALLATION OF MECHANICAL  
MOBILE FILLING SYSTEM FOR  
RADIO ARCHIVE AT RTB  
BROADCASTING COMPLEX,  
SUNGAI AKAR**

**Bayaran tawaran :**  
BND10.00 (tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup :**  
Rabu, 8 Januari 2020 (jam 2.00 Petang)



**UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM**

**BIL. TAWARAN :**  
UBD / E8 / 015 / 2019

**RE-TENDER :**  
TAWARAN BAGI MENYEWAKAN  
'PORTABLE CABINS' UNTUK  
KEGUNAAN KOMERSIAL DI HAL  
EHWAL PELAJAR (STUDENT  
CENTRE), UNIVERSITI BRUNEI  
DARUSSALAM (BAGI TEMPOH  
3 TAHUN)

**BAYARAN DOKUMEN  
DAN PENTADBIRAN :**  
BND10.00 (tidak dikembalikan)

**BIL. TAWARAN :**  
UBD / E8 / 016 / 2019

**RE-TENDER :**  
TAWARAN BAGI PENGENDALIAN  
UNIT 'PREFABRICATE CABIN'  
(CAFE) DI HAL EHWAL PELAJAR  
(STUDENT CENTRE), UNIVERSITI  
BRUNEI DARUSSALAM  
(BAGI TEMPOH 3 TAHUN)

**BAYARAN DOKUMEN  
DAN PENTADBIRAN :**  
BND10.00 (tidak dikembalikan)

**BIL. TAWARAN :**  
UBD / E8 / 017 / 2019



**RE-TENDER :**  
TAWARAN BAGI PENYEWAAAN  
UNIT-UNIT RUANG 'FOOD COURT'  
DI BANGUNAN HAL EHWAL  
PELAJAR, UNIVERSITI BRUNEI  
DARUSSALAM (BAGI TEMPOH  
3 TAHUN)

**BAYARAN DOKUMEN  
DAN PENTADBIRAN :**  
BND10.00 (tidak dikembalikan)

**TARIKH TUTUP :**  
Selasa, 7 Januari 2020



**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**NOTIS JUALAN BAGI BESI BURUK  
DAN BARANG GUNA HABIS**

**TARIKH MULA :**  
ISNIN, 6 JANUARI 2020

**TARIKH MELIHAT, MENGAMBIL  
DAN MENGHANTAR  
BORANG TAWARAN (WAKTU  
BEKERJA) :**  
6 JANUARI 2020 HINGGA 11  
JANUARI 2020

**ISNIN HINGGA KHAMIS**  
8.30 PAGI HINGGA 11.30 PAGI  
1.30 PETANG HINGGA 3.00 PETANG

**SABTU**  
8.30 PAGI HINGGA 10.30 PAGI  
PETANG : TUTUP

**TARIKH TUTUP MENGHANTAR  
BORANG TAWARAN  
KE DALAM PETI TAWARAN :**  
13 JANUARI 2020 SEBELUM JAM 9.00  
PAGI (ISNIN)  
(MEMBUKA PETI TAWARAN)

**LOT DAN KETERANGAN :**  
1. 4 BUAH PETI SEJUK  
834 UNIT PERABOT PEJABAT  
720 UNIT PERABOT SEKOLAH  
2 UNIT LABORATORY DC POWER  
1 UNIT STOOL  
1 UNIT TROLLEY  
2 UNIT RECLINING CHAIR  
2 UNIT PERALATAN (TRAY DAN  
TROLLEY)  
2 UNIT PERALATAN /PEKAKAS  
ELETRIK (WATER DISPENSER AND  
WARMER TROLLEY)  
4 UNIT WHEELCHAIR  
2 UNIT STAINLESS RACK  
1 UNIT WATER URN  
223 UNIT PERALATAN FISIOTERAPI  
1 UNIT SOFA  
3 UNIT MESIN (2 DRILL DAN 1  
JIGSAW)

2. 33 UNIT ALAT PEMADAM API  
17 UNIT PORTABLE PUMP  
21 UNIT MESIN CHAINSAW  
1 UNIT POWER UNIT

3. 8 LOT ALAT GANTI LIF

4. 78 LOT PENGHAWA DINGIN

**BERTEMPAT :**  
KAWASAN TEMPAT PENYIMPANAN  
BESI BURUK KERAJAAN  
J.K.R SINARUBAI.

**RUJUKAN KEBENARAN KEWANGAN :**

**JABATAN / KEMENTERIAN :**  
JABATAN PERKHIDMATAN FARMASI  
HOSPITAL RIPAS, KEMENTERIAN  
KESIHATAN  
NO. RUJUKAN : KKW / ADM / KEM / 2

**JABATAN / KEMENTERIAN :**  
JABATAN BURUH  
NO. RUJUKAN : KKW / ADM / JBT / 42

**JABATAN / KEMENTERIAN :**  
JABATAN PEMBANGUNAN  
MASYARAKAT, KKBS  
NO. RUJUKAN : KKW / ADM / JBT / 42

**JABATAN / KEMENTERIAN :**  
OUTWARD BOUND BRUNEI  
DARUSSALAM, KKBS  
NO. RUJUKAN : KKW / ADM / KEM / 12

**BERTARIKH : 11 JUN 2019  
BERSAMAAN 6 SYAWAL 1440**

**JABATAN / KEMENTERIAN :**  
JABATAN DEWAN BAHASA DAN  
PUSTAKA  
NO. RUJUKAN : KKW / ADM / JBT / 54

**JABATAN / KEMENTERIAN :**  
IBTE KAMPUS JEFRI BOLKIAH,  
JABATAN PENTADBIRAN DAN  
PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN,  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
NO. RUJUKAN : KKW / ADM / KEM / 15

**BERTARIKH : 27 OGOS 2019  
BERSAMAAN 26 ZULHIJAH 1440**

**JABATAN / KEMENTERIAN :**  
JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN  
NO. RUJUKAN : KKW / ADM / KEM / 17

**JABATAN / KEMENTERIAN :**  
HOSPITAL RIPAS, KEMENTERIAN  
KESIHATAN  
NO. RUJUKAN : KKW / ADM / KEM / 10

**JABATAN / KEMENTERIAN :**  
JABATAN PENGAJIAN ISLAM (SEK.  
UGAMA BERIBI, SEK. UGAMA  
LAMBAK KANAN DAN SEK. UGAMA  
LAMUNIN)  
NO. RUJUKAN : KKW / ADM / JBT / 17

**JABATAN / KEMENTERIAN :**  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
NO. RUJUKAN : KKW / ADM / KEM / 11



**PEJABAT PEGUAM NEGARA  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**BILANGAN TAWARAN :**  
PPN / ASSET / BUUMM / CONTRACT  
/ 2019 / 12 / 2

**TAJUK TAWARAN :**  
'PROVISION OF SECURITY GUARD  
SERVICES FOR LAW AND COURT  
BUILDING,  
ATTORNEY GENERAL'S  
CHAMBERS, JALAN RAJA ISTERI  
PENGIRAN ANAK SALEHA,  
BA1910,  
BANDAR SERI BEGAWAN'

**Yuran tawaran :**  
BND5.00  
(tidak dikembalikan)

**BERTARIKH : 17 JULAI 2019  
BERSAMAAN 14 ZULKAEDA 1440**

**JABATAN / KEMENTERIAN :**  
JABATAN PERKHIDMATAN FARMASI  
HOSPITAL RIPAS, KEMENTERIAN  
KESIHATAN  
NO. RUJUKAN : KKW / ADM / KEM / 10

**JABATAN / KEMENTERIAN :**  
JABATAN PEMBANGUNAN  
MASYARAKAT, KKBS  
NO. RUJUKAN : KKW / AD / JBT / 58

**JABATAN / KEMENTERIAN :**  
SEKOLAH RENDAH KAPOK  
NO. RUJUKAN : KKW / ADM / KEM / 5

**BERTARIKH : 19 SEPTEMBER 2019  
BERSAMAAN 19 MUHARRAM 1440**

**JABATAN / KEMENTERIAN :**  
HOSPITAL RIPAS, KEMENTERIAN  
KESIHATAN  
NO. RUJUKAN : KKW / ADM / KEM / 10

**JABATAN / KEMENTERIAN :**  
JABATAN PENGAJIAN ISLAM  
(SEKOLAH UGAMA PENGIRAN ANAK  
PUTERI  
NORAIN)  
NO. RUJUKAN : KKW / ADM / JBT / 17

**BERTARIKH : 28 SEPTEMBER 2019  
BERSAMAAN 28 MUHARRAM 1440**

**JABATAN / KEMENTERIAN :**

**Tarikh tutup :**  
tidak lewat dari jam 2.00 Petang pada  
Selasa, 7 Januari 2020



**HOSPITAL RIPAS, KEMENTERIAN  
KESIHATAN  
NO. RUJUKAN : KKW / ADM / KEM / 10**

**BERTARIKH : 19 JUN 2019  
BERSAMAAN 14 SYAWAL 1440**

**JABATAN / KEMENTERIAN :**  
HOSPITAL RIPAS, KEMENTERIAN  
KESIHATAN  
NO. RUJUKAN : KKW / ADM / KEM / 10

**BERTARIKH : 20 MEI 2019  
BERSAMAAN 14 RAMADAN 1440**

**JABATAN / KEMENTERIAN :**  
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT  
NO. RUJUKAN : KKW / ADM / JBT / 47

**BERTARIKH : 26 OGOS 2019  
BERSAMAAN 26 ZULHIJAH 1440**

**JABATAN / KEMENTERIAN :**  
JABATAN PEMBANGUNAN  
MASYARAKAT, KKBS  
NO. RUJUKAN : KKW / AD / JBT / 58

**BERTARIKH : 27 MEI 2019  
BERSAMAAN 21 RAMADAN 1440**

**JABATAN / KEMENTERIAN :**  
JABATAN PENGAJIAN ISLAM  
(SEKOLAH UGAMA LUMAPAS)  
NO. RUJUKAN : KKW / ADM / JBT / 17

**BERTARIKH : 31 JANUARI 2018  
BERSAMAAN 14 JAMADILAWAL 1439**





# سایمبارا قنولیسین کریاتیف مسترا

## SAYEMBARA PENULISAN KREATIF MASTERA

### KATEGORI CERPEN

- (a) Karya perlu ditaip bersih pada sebelah muka surat kertas A4 dengan jarak langkau dua baris dan menggunakan saiz 12 poin jenis fon Arial.
- (b) Panjang karya adalah antara 2000 hingga 2500 patah perkataan.

### KATEGORI PUISI

- (a) Karya perlu ditaip bersih pada sebelah muka surat kertas A4 dengan jarak langkau dua baris dan menggunakan saiz 12 poin jenis fon Arial.
- (b) Panjang karya adalah antara 20 hingga 35 baris.

### HADIAH

#### Kategori Cerpen

Johan RM\$5,000.00

Naib Johan RM\$4,000.00

Ketiga RM\$3,000.00

#### Kategori Puisi

Johan RM\$3,000.00

Naib Johan RM\$2,000.00

Ketiga RM\$1,500.00

Muat turun borang penyertaan  
Melalui Kod QR



dbpBrunei

### SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

1. Terbuka kepada warganegara Negara Anggota Mastera (Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Singapura) yang berumur 40 tahun dan ke bawah.
2. Karya hendaklah dihantar melalui Sekretariat Negara Anggota Mastera masing-masing.
3. Karya hendaklah ditulis dalam bahasa Melayu.
4. Karya yang dihasilkan mestilah karya asli peserta. Sebarang karya plagiat, terjemahan, atau karya yang pernah disiarkan di mana-mana penerbitan cetak atau digital dan dipertandingkan akan terbatal secara automatik.
5. Karya tidak boleh menyentuh sensitiviti, subversif dan negatif mana-mana pihak.
6. Setiap karya menjadi hak urus setia dan sebarang penerbitan tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran.
7. Peserta dibenarkan menghantar tidak lebih daripada tiga karya yang berbeza untuk sayembara ini.
8. Hanya tiga karya terbaik bagi setiap kategori dari negara masing-masing akan dihantar kepada panel peringkat rantau (Penanggungjawab: Mastera Malaysia).
9. Peserta mestilah bersedia untuk menandatangani dokumen undang-undang yang mengesahkan keaslian karya yang dikirim. Urus setia berhak meminta sebarang keterangan lanjut berhubung dengan karya tersebut.
10. Penyertaan yang tidak memenuhi atau melanggar syarat tidak akan dipertimbangkan.
11. Urus setia mempunyai hak untuk menyunting karya yang diuruskan penerbitannya bagi pihak penulis.
12. Nama dan maklumat peserta tidak boleh ditulis pada halaman karya.
13. Urus setia tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam sayembara ini.
14. Tarikh tutup penyertaan sayembara adalah pada 28 Februari 2020.
15. Karya hendaklah dihantar dalam bentuk salinan cetak sebanyak lima (5) salinan jilid sisir (comb binding) serta dihantar bersama salinan lembut (soft copy) sama ada menggunakan pen pemacu atau cakera padat. Karya hendaklah dihantar kepada:

Urus Setia Mastera Brunei Darussalam  
Unit Sastera, Bahagian Sastera dan Majalah  
Tingkat 3, Dewan Bahasa dan Pustaka  
Jalan Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510  
Negara Brunei Darussalam  
Telefon: 2382511 samb. 137/167/191 dan 192

### TARIKH TUTUP PENYERTAAN

Pada atau sebelum,

**28 FEBRUARI 2020**

Sebelum pukul 4.00 petang

Sila layari laman sesawang: [www.dbp.gov.bn](http://www.dbp.gov.bn)



# Dua produk kosmetik tercemar!



**PRODUK-PRODUK Kosmetik, iaitu Meeracle Facial Serum Gemstone Essence (kanan) dan Clariderm Astringent AHA + Licorice (For Oily Skin) 3 (kiri) didapati dicemari dengan bahan terlarang yang tidak diisytiharkan.**

## Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 2 Januari. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai supaya tidak menggunakan dua produk kosmetik yang mana hasil dari ujian makmal Bahagian Farmasi, Jabatan Perkhidmatan Saintifik, Kementerian Kesihatan mendapati bahawa produk-produk tersebut dicemari dengan bahan terlarang yang tidak diisytiharkan.

Produk-produk Kosmetik berkenaan ialah Meeracle Facial Serum Gemstone Essence yang tidak diketahui pengilangannya, telah dicemari dengan Hydroquinone manakala, Clariderm Astringent AHA + Licorice (For Oily Skin) 3 yang dikilangkan di Jirah Mfg Group Philippines, juga dicemari dengan Hydroquinone.

Bahan pencemar dalam produk-produk berkenaan boleh mengakibatkan kesan-kesan mudarat yang membahayakan kesihatan.

Hydroquinone adalah bahan yang digunakan dalam ubat-ubatan yang memerlukan preskripsi bagi

merawat penyakit kulit dan ia dilarang sebagai bahan di dalam produk kosmetik penjagaan kulit di bawah Peraturan Ubat (Produk Kosmetik). Penggunaan Hydroquinone tanpa pengawasan boleh menyebabkan perubahan warna kulit, hipersensitiviti, bahagian kulit yang disapu menjadi biru-hitam atau gelap serta boleh meningkatkan risiko kanser kulit.

Surat Pengakuan Notifikasi bagi produk kosmetik yang dinyatakan telah ditarik balik oleh Kementerian Kesihatan.

Berikutan dapatan tersebut, produk-produk berkenaan adalah dilarang untuk diimport dan dijual di Negara Brunei Darussalam.

Orang ramai yang telah membeli atau menggunakan produk-produk tersebut adalah dinasihatkan untuk memberhentikan penggunaannya dengan serta merta.

Jika mereka mengalami kesan *adverse* dan berasa tidak sihat selepas menggunakan produk-produk berkenaan, hendaklah berjumpa doktor dengan segera.

Adalah diingatkan bahawa ia

adalah menjadi satu kesalahan di bawah Peraturan Ubat (Produk Kosmetik), 2007 untuk mengimport dan memasarkan produk kosmetik di pasaran tempatan tanpa Surat Pengakuan Notifikasi Produk Kosmetik yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa di Kementerian Kesihatan, dan jika didapati bersalah boleh didenda tidak melebihi BND5,000 penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Kementerian Kesihatan juga ingin memohon kerjasama dari orang ramai untuk melaporkan kepada Bahagian Komplians dan Perlesenan jika mendapati produk-produk berkenaan masih dipasarkan di negara ini.

Untuk maklumat lanjut dan perhubungan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Bahagian Komplians dan Perlesenan melalui talian telefon +673 2393298 sambungan 208; menghantar e-mel kepada [pharmacy.enforcement@moh.gov.bn](mailto:pharmacy.enforcement@moh.gov.bn); berjumpa terus Pegawai Komplians dan Perlesenan di Tingkat 1, Bangunan Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kampung Madaras, Mukim Gadong 'A'; atau hubungi Talian Darussalam 123.

# CCTV bantu kesan penjenayah

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 2 Januari. - Melalui bantuan rakaman kamera litar tertutup (CCTV) telah berhasil menahan seorang suspek yang dipercayai melakukan curi di salah sebuah gedung perniagaan membeli belah di kawasan Gadong.

Insiden berlaku pada 29 Disember 2019 di mana pekerja kedai membuat pemeriksaan dan penelitian terhadap rakaman CCTV berikutan laporan beberapa barangan kedai didapati hilang dan dipercayai dicuri. Perkara ini kemudian disalurkan ke Pengawal Keselamatan bertugas bagi pengawasan di kawasan premis tersebut.

Pada 1 Januari 2020, salah seorang pengawal keselamatan bertugas mengenal pasti suspek berpandukan maklumat yang diperolehi daripada rakaman CCTV sedang berada di kawasan premis tersebut. Suspek lalu berhasil ditahan dan Balai Polis Pusat, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dihubungi bagi tindakan siasatan.

Hasil daripada siasatan pihak Polis, suspek dipercayai telah mengambil satu utas jam tangan serta tiga bentuk cincin dari kedai berkenaan. Kesemua barang bukti ditemui semasa pemeriksaan yang dijalankan di rumah suspek.

Suspek bernama Yii Toh Cheng berumur 48 tahun dan kes ini disiasat di bawah seksyen 379 Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 iaitu melakukan jenayah curi.

Pihak Mahkamah menjatuhkan hukuman ke atas suspek pemenjaraan selama satu minggu di penjara Jerudong bermula pada 2 Januari 2020 kerana gagal membayar hukuman denda sebanyak BND500.



**SUSPEK, Yii Toh Cheng berumur 48 tahun.**

Dengan kelebihan teknologi yang ada pada ketika ini diharapkan dapat membantu pihak polis dalam mengesan aktiviti jenayah dengan lebih mudah dan berkesan. Di samping itu juga, PPDB mengucapkan ribuan terima kasih atas kerjasama orang ramai dalam sama-sama menjaga keamanan serta keharmonian negara ini.



**ANTARA barang yang dicuri ialah seutas jam tangan.**

# Padah curi harta majikan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 2 Januari. - Dua orang warga Filipina dihadapkan ke Mahkamah Majistret, Bandar Seri Begawan hari ini, 2 Januari 2020 berikutan aduan yang dilaporkan melibatkan kes curi di Stor, Flat Pangsa Jalan Padang, Berakas.

Kedua-dua suspek, Zardon Andrade Estrera, lelaki, berumur 37 tahun merupakan seorang pemandu, manakala suspek kedua, MA. Teresa Besejos Merasol, perempuan, berumur 43 tahun, bekerja sebagai pembantu rumah.

Hasil siasatan oleh keanggotaan Balai Polis Berakas, Zardon Andrade Estrera mengambil beberapa barang yang disimpan di dalam plastik sampah, kepunyaan majikannya di Jalan Bedil, Berakas dibantu oleh MA.

Teresa Besejos Merasol lalu memindahkannya ke Stor, Flat Pangsa Jalan Padang, Berakas.

Menurut suspek, barang-barang tersebut dibawa pulang ke negara asalnya (Filipina) untuk diberikan kepada keluarganya dan keperluannya sendiri.

Suspek akan menghadapi pertuduhan di bawah Seksyen 381 dibacakan dengan Seksyen 34 Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22, iaitu pekerja melakukan jenayah curi ke atas harta milik majikan yang dilakukan oleh



**KEDUA-DUA suspek, Zardon Andrade Estrera, lelaki, berumur 37 tahun dan MA. Teresa Besejos Merasol, perempuan, berumur 43 tahun.**



## Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

beberapa orang bagi mencapai niat bersama.

Pihak mahkamah menjatuhkan hukuman pemenjaraan terhadap kedua tertuduh selama 10 bulan di Penjara Maraburong dan Penjara Jerudong.

PPDB ingin menasihati orang ramai agar menghindari daripada melakukan perbuatan curang juga mengkhianati dan menyalahgunakan kepercayaan yang diamanahkan dalam menjalankan tugas.

# BBA bakal anjurkan Piala Belia Brunei 2020

Siaran Akhbar : Persatuan Bola Keranjang Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 2 Januari. - Persatuan Bola Keranjang Brunei (Brunei Basketball Association - BBA) akan mengadakan Piala Belia Brunei 2020 buat julung kalinya.

Objektif kejohanan tersebut adalah untuk menggalakkan minat dalam sukan bola keranjang dalam kalangan belia dan akar umbi Negara Brunei Darussalam.

Ia juga menyediakan platform bagi para belia untuk bersaing, mempamerkan bakat mereka dan memahami pentingnya kerja berpasukan.

Tiga kategori akan dipertandingkan secara keseluruhan, iaitu Kategori Di Bawah 23 Tahun Bagi Perempuan; Kategori Di Bawah 21 Tahun dan Di Bawah 18 Tahun (Gabungan) Bagi Lelaki dan Kategori Di Bawah 13 Tahun Bagi acara sehari.

Kejohanan dibukakan

kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam (pemegang kad pengenalan kuning, merah termasuk pemegang kad hijau yang masih sah).

Tarikh perlawanan akan bermula pada 12 Januari ini sehingga 21 Januari 2020.

Manakala bagi Kategori Di Bawah 13 Tahun akan berlangsung pada 19 Januari 2020.

Pasukan yang berminat untuk menyertai pertandingan tersebut dialu-alukan untuk menghantar borang pendaftaran sebelum 9 Januari 2020.

Borang pendaftaran boleh didapati dari BBA, Batu Bersurat.

Sebarang pertanyaan mengenai Piala Belia Brunei, bolehlah berhubung terus kepada Darren Yap melalui talian +673 8801292 dan Lim Fung melalui talian +673 8753001.



# PK dan Polis jalankan rondaan pencegahan jenayah



AHLI-AHLI Pengawasan Kejiranan (PK) ketika menjalankan pemantauan bersama anggota Polis bertugas melalui rondaan pencegahan jenayah di beberapa kawasan.

## Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BRUNEI MUARA**, Jumaat, 3 Januari. - Dengan amanah dan tanggungjawab yang dipikul bagi memastikan kawasan persekitaran kampung dalam keadaan aman dan selamat, sejumlah ahli Pengawasan Kejiranan (PK) telah menjalankan pemantauan bersama

anggota polis bertugas melalui rondaan pencegahan jenayah di beberapa kawasan yang dianggap sering berlaku kejadian jenayah.

Semangat yang dipamerkan oleh ahli-ahli PK yang terdiri daripada ketua-ketua dan anak-anak kampung membuktikan bahawa

keprihatinan bagi memastikan persekitaran kampung ditani dengan penuh kesungguhan.

PK yang menjalankan rondaan terdiri daripada Kampung Lumapas 'A' dan 'B', Kampung Orang Kaya Besar Imas (OKBI) Mukim Berakas, Kampung Bengkurong, Kampung Sinarubai, Kampung Burung Lepas, Kampung Masin, Kampung Mentiri serta Kampung

# Kongres Luar Biasa NFABD, 15 Februari 2020

Siaran Akhbar : Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 3 Januari. - Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD) sukacita memaklumkan bahawa Kongres Luar Biasa NFABD Kali Ke-7 bagi Tahun 2020 akan diadakan pada Sabtu, 15 Februari 2020, jam 9:30 pagi di Dewan Serbaguna, Bangunan NFABD House, Jalan Pusat Persidangan, Bandar Seri Begawan.

Agenda utama dalam Kongres berkenaan adalah pemilihan bagi jawatan Timbalan Presiden dan Ahli-ahli Komite Eksekutif yang baharu.

Menurut Artikel 32 dalam Perlembagaan NFABD, calon-calon bagi pemilihan jawatan Timbalan Presiden dan Ahli-ahli Komite

Eksekutif perlu dicadangkan oleh sekurang-kurangnya seorang ahli.

Menurut Artikel 29 (Pindaan dalam Perlembagaan) dalam Perlembagaan NFABD, ahli-ahli adalah disarankan untuk memberi cadangan bagi pindaan kepada Perlembagaan yang difikirkan boleh membantu bagi kemajuan bola sepak di dalam negara ataupun antarabangsa.

Sebarang pencalonan dan kertas cadangan pindaan dalam Perlembagaan perlu dihadapkan tidak lewat daripada 15 Januari 2020 kepada Setiausaha Agong NFABD di NFABD House, Jalan Pusat Persidangan atau hubungi talian +673 2380047; faks ke +673 2380057 ataupun e-mel ke [secretariat@nfabd.org](mailto:secretariat@nfabd.org).

Sengkurong A.

Rondaan yang dilaksanakan dengan berjalan kaki dan menggunakan kenderaan tersebut menyusuri beberapa persimpangan rumah-rumah kediaman, bangunan premis perniagaan, bangunan komersil, stesen-stesen jana kuasa serta kawasan persekolahan.

Rondaan yang berakhir pada sekitar lewat malam tersebut tidak ada menemukan sebarang aktiviti-

aktiviti yang mencurigakan mahupun kegiatan jenayah. Usaha pada tahun baru 2020 ini akan dikembangkan dan dipertingkatkan lagi bagi menarik para belia-belia untuk ikut serta di dalam program PK ini dalam objektif utama untuk menanamkan sikap tanggungjawab dan patriotik dalam diri mereka akan pentingnya menjaga keselamatan dan kesejahteraan negara ini.

**Berbelanja Bijak & Berhemat** dengan aplikasi

**PenggunaBijak SmartConsumer**



## Menyediakan pelbagai fungsi:

### PENETAPAN HARGA MAKSIMA

Senarai barangan yang dikawal harga dan harga maksima barang terkawal dan barang harian pilihan.

### PERBANDINGAN HARGA

Perbandingan harga barangan keperluan harian terpilih.

### MEMBUAT ADUAN

Mengandungi platform bagi menghantar aduan mengenai amalan tidak wajar perniagaan dan perkara-perkara berhubung dengan barangan yang dikawal harga.

### JUALAN & POTONGAN DISKAUN


Mengandungi maklumat acara jualan yang sedang dan akan dilaksanakan di Negara Brunei Darussalam.

### PELINDUNGAN PENGGUNA

Bahan-bahan pendidikan mengenai skop Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar), 2011 dan Akta Kawalan Harga, Penggal 142, Pindaan 2012.

Para Pengguna boleh membuat perbandingan harga dan mendapatkan harga terkini barangan harian terpilih serta maklumat mengenai promosi istimewa dan diskaun melalui **PenggunaBijak SmartConsumer**.

Dapatkan aplikasi dan muat turun di



HUBUNGI KAMI:

Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna  
Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi  
Jabatan Perdana Menteri  
Bilik 2A3:06, Aras 03, West Wing,  
Blok 2A, Jalan Ong Sum Ping, BSB, BA1311,  
Negara Brunei Darussalam.  
Tel : +673 2230223 (Waktu Pejabat)





## Apa Pendapat Biskita?

### Kecuaian pengguna faktor kemalangan jalan raya

**I**SU tentang kemalangan jalan raya sering kali kita dengar, lihat dan terbaca di surat khabar yang melaporkan berita-berita tentang kemalangan jalan raya yang berlaku di negara kita. Kemalangan jalan raya ini bukan sahaja melibatkan penunggang motosikal, pengguna kenderaan, pejalan kaki dan sebagainya. Hal ini berpunca daripada berbagai-bagai faktor.

Antaranya ialah faktor jalan raya, masalah kenderaan dan kecuaiannya pengguna. Bak kata peribahasa, seperti cendawan tumbuh selepas hujan.

Hampir setiap hari berita-berita mengenai kemalangan ngeri yang menyebabkan kecederaan parah, kehilangan nyawa dan kerugian harta benda disiarkan melalui media massa. Keadaan ini menunjukkan bahawa kemalangan adalah satu masalah serius yang sukar diatasi. Banyak faktor yang menyebabkan berlakunya kemalangan jalan raya. Dalam hal ini, kecuaiannya manusia yang menjadi penyebab utama. Ramai pemandu dan penunggang kenderaan yang gemar memandu secara cuai dan melulu. Mereka tidak mematuhi undang-undang dan peraturan jalan raya yang telah ditetapkan. Perbuatan begini amat berbahaya kepada diri sendiri dan pemandu lain. Apa Pendapat Biskita pada kali ini cuba mendapatkan beberapa pandangan orang ramai mengenai dengan isu sering berlakunya kemalangan di jalan raya.

Punca utama berlakunya kemalangan jalan raya sememangnya sikap pengguna itu sendiri. Pemandu atau pengguna sering melanggar peraturan jalan raya sesuka hati. Apabila berlaku kemalangan sudah tentu mereka akan cedera. Tegasnya, sikap kecuaiannya pengguna ini tidak seharusnya diamalkan oleh masyarakat kerana malang tidak berbau. Selain itu, pengguna jalan raya sering cuai dan tidak mematuhi peraturan jalan raya. Ini kerana mereka sengaja melanggar lampu trafik di jalan raya. Mereka juga melintas jalan dengan sesuka hati. Akibatnya, kemalangan boleh berlaku. Oleh itu, kita perlulah cegah sebelum parah. Di samping itu, terdapat pemandu yang mengantuk semasa memandu. Ini kerana mereka tidak cukup tidur atau mabuk. Akibatnya mereka tidak dapat mengawal kenderaan dengan baik. Jika ini berlaku, sudah tentu akan terjadi kemalangan. Oleh itu, apabila kita mengantuk, kita hendaklah berehat dahulu supaya dapat memandu dengan baik. Kecuaian lain ialah sikap pengguna jalan raya yang tidak memeriksa kenderaan. Sebagai contoh, pemandu tidak memeriksa tayar yang telah haus dan brek yang rosak. Akibatnya, apabila jalan licin, kenderaan tidak dapat dikawal dengan baik. Oleh itu, kita hendaklah memastikan kenderaan dalam keadaan baik semasa di jalan raya. Kesimpulannya, pengguna yang cuai boleh menyebabkan kemalangan jalan raya di negara kita. Oleh itu, semua pihak hendaklah bekerjasama untuk mengatasi kemalangan jalan raya. Jika kita memandu secara berhati-hati, kita akan selamat sampai ke destinasi. Tegasnya, Pandu Cermat Jiwa Selamat. - **Siti Norbaizura Hamdan, BSB**

Berlakunya kemalangan di jalan raya pada kebiasaannya terjadi disebabkan kecuaiannya pengguna jalan raya, namun terdapat juga faktor-faktor lain yang menjurus kepada kemalangan di jalan raya ini antaranya disebabkan keadaan kenderaan juga merupakan punca kepada berlakunya kemalangan. Ramai pemilik kenderaan tidak menyelenggarakan kenderaan mereka dengan baik. Kemalangan juga berpunca daripada keadaan jalan raya. Jalan raya yang berselekeh, berbukit, dan berlubang-lubang amat berbahaya kepada pemandu. Seseorang pemandu yang kurang pengalaman dan tidak biasa melalui laluan sebegini sukar untuk mengawal kenderaan mereka dan amat berisiko mengalami kemalangan. Sebenarnya, banyak faktor yang menyebabkan berlakunya kemalangan di jalan raya. Untuk mengatasi masalah ini, semua pihak perlu mengemblem tenaga dan usaha secara lebih efektif lagi. - **Saiful Bahri Haji Khamis Tutong.**

Sikap sesetengah pemandu yang memandu secara tidak berhemah merupakan punca kemalangan. Pemandu tersebut tidak mematuhi peraturan dan undang-undang jalan raya atas alasan lewat dan sebagainya, sering kita terliat di mana ada sesetengah pemandu yang tidak berhenti apabila lampu isyarat bertukar kepada merah lantaran tidak sabar menunggu. Jika ditelusuri secara mendalam, salah satu sikap buruk pemandu ialah menggunakan telefon bimbit semasa memandu, perkara ini sudah menjadi kebiasaan lantaran perkembangan dunia teknologi seperti aplikasi WhatsApp, Facebook, dan sebagainya digunakan semasa memandu untuk tujuan hiburan dan inilah yang sering kali mengurangkan perhatian di jalan raya. Menandu bukanlah sesuatu perkara mudah, justeru perhatian seratus peratus harus dicurahkan kepada jalan kerana pandu cermat, jiwa selamat. - **Adi Irwan, Meragang.**

Seperti biasa, selaku penulis ruangan Apa Pendapat Biskita, kemalangan jalan raya sering berlaku di negara kita terutama pada musim perayaan. Banyak nyawa yang telah terkorban dalam kemalangan tersebut. Terdapat pelbagai usaha untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya. Antara usaha untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya ialah pemandu mesti memastikan kenderaan berada dalam keadaan yang baik. Mereka perlu sentiasa menghantar kenderaan masing-masing untuk diservis. Kenderaan yang baik boleh menjamin keselamatan pemandu dan penumpang ketika di jalan raya. Sebaliknya, kenderaan yang tidak diservis boleh mengakibatkan kenderaan tidak dapat dikawal semasa berlaku kecemasan. Media massa seperti televisyen boleh menyiarkan dokumentari berkaitan kemalangan jalan raya. Penonton akan menjadikan peristiwa kemalangan yang ditonton sebagai pengajaran. Dengan itu, mereka tidak akan melakukan kesalahan-kesalahan jalan raya seperti memandu dengan laju dan menggunakan telefon ketika memandu. Tindakan ini dapat mengurangkan kadar kemalangan jalan raya di negara kita. Seterusnya, kerajaan boleh mengurangkan kadar kemalangan jalan raya ialah dengan mengadakan pelbagai kempen keselamatan jalan raya secara berterusan contohnya seperti Kempen Berhati-hati di Jalan Raya. Kempen ini sangat penting untuk mengubah sikap pemandu agar lebih berhati-hati di jalan raya. Kempen ini boleh dijalankan di sekolah dan disiarkan melalui televisyen. Oleh itu, melalui kempen yang berterusan yang dijalankan oleh kerajaan dapat mengurangkan kemalangan jalan raya.

Kesimpulannya, kemalangan jalan raya boleh berlaku pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Kadar kemalangan jalan raya boleh dielakkan dengan wujudnya kerjasama daripada pelbagai pihak. Setiap pihak bertanggungjawab melaksanakan usaha-usaha tersebut dengan bersungguh-sungguh. Dengan ini, kemalangan sifar dapat dijadikan kenyataan. Hal ini bertepatan dengan slogan 'Panduan Cermat Jiwa Selamat'.

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.

Sila e-melkan pendapat biskita ke : [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

- i. Kepentingan Semangat Kejiranan Kepada Masyarakat
- ii. Kepentingan Industri Kecil dan Sederhana

# Indera SC wakili negara ke Piala AFC 2020

Siaran Akhbar : Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam  
Infografik : Jabatan Penerangan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 3 Januari. - Negara Brunei Darussalam kembali ke persaingan AFC melalui Piala AFC 2020, pusingan kelayakan 1.

Indera SC, sebagai satu-satunya kelab bola sepak yang dilesenkan di bawah Lesen dan Merit Kelab AFC untuk mewakili negara, akan menentang Yangon United FC dari Myanmar semasa pusingan kelayakan 1.

Indera SC akan menjadi tuan rumah bagi perlawanan bertemu Yangon United FC di Stadium Negara Hassanal Bolkiah pada Rabu 22 Januari 2020 dan perlawanan kedua di Myanmar akan diadakan pada Rabu 29 Januari 2020. Majlis cabutan undi bagi Piala AFC 2020 telah berlangsung di AFC House, Kuala Lumpur pada 9 Disember 2019.

Pemangku Setiausaha Agong, Mohammad Shahnnon Haji Mohd. Salleh menyatakan bahawa NFABD akan bekerjasama sepenuhnya dan membantu Indera SC semasa persediaan dan penyertaan mereka dalam Piala AFC 2020 ketika kelab itu akan menjadi pembawa bendera bagi Negara Brunei Darussalam semasa pertandingan itu nanti.

Beliau juga berharap peminat bola sepak di Negara Brunei Darussalam akan memberi sokongan penuh kepada Indera SC dan memeriahkan perlawanan bola sepak tersebut.

Pengurus Besar Indera SC, Rosdin Haji Abd Aziz berkata, "Dengan rasa gembira dan bersyukur, Indera SC akhirnya

berjaya memperolehi lesen AFC CUP 2020 hasil kerja keras dan pengorbanan oleh pasukan pengurusan Indera SC dan semua yang terlibat sejak CLS diperkenalkan pada Oktober 2018. Kami tidak akan mampu mencapai kejayaan ini tanpa bantuan daripada NFABD. Ini adalah *chronicle* pertama untuk Indera SC sejak penglibatannya dalam arena bola sepak dan prestasi itu menjadi peluang keemasan untuk kelab ini maju ke tahap yang lebih tinggi. Indera SC berjanji akan memberi yang terbaik dalam Piala AFC nanti.

Menurutnya lagi, Indera SC menyedari bahawa menentang Yangon United adalah satu cabaran kerana pasukan tersebut sudah berada dalam kejohanan lebih lama dan lebih berpengalaman. Kerana itulah Indera SC amat memerlukan sokongan penuh dari peminatnya dan semua peminat bola sepak di Negara Brunei Darussalam sepanjang perlawanan itu nanti.

**Indera SC (Brunei Darussalam)      AFC CUP 2020      Yangon United FC (Myanmar)**

Zon	Peringkat	Tarikh Perlawanan	No. Perlawanan	Perlawanan		
ASEAN	Permainan	Rabu, 22 Januari 2020	S-PO2 (Perlawanan Pertama)	InderaSC (Bru)	lawan	Yangon United FC (Mya)
		Rabu, 29 Januari 2020	S-PO2 (Perlawanan Kedua)	Yangon United FC (Mya)	lawan	InderaSC (Bru)

## MINDA PEMBACA

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. 'Keusahawanan Pemacu Brunei Maju'. Tarikh Tutup : 8 Januari 2020
2. 'Kepentingan Amalan Minum Air'. Tarikh Tutup : 15 Januari 2020
3. 'Bersama Memperkasa Belia Negara'. Tarikh Tutup : 22 Januari 2020

**TERMA DAN SYARAT :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**  
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel : [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

**Menangi BND75**  
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



# Indera SC menang bergaya



SEBAHAGIAN daripada aksi perlawanan antara Indera SC (jersi merah) dan pasukan Setia Perdana (jersi biru) pada saingan Bola Sepak Belia Di Bawah 19 Tahun Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD) (atas dan kanan).



Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 3 Januari. - Indera SC terus mengukuhkan status selaku salah satu pasukan dengan mata tertinggi pada perlawanan Bola Sepak Belia Di Bawah 19 Tahun Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD)

2019 setelah menewaskan Setia Perdana 3 - 0, petang tadi.

Pada perlawanan yang diadakan di Padang NFABD itu, Indera SC ternyata berada di kelas tersendiri apabila menyajikan persembahan cemerlang seawal permainan sehingga menghasilkan satu gol

pada separuh masa pertama sebelum melengkapkan kemenangan 3 - 0 menerusi dua gol di separuh masa kedua.

Muhd. Nur Salikin meletakkan Indera SC di hadapan pada minit ke-27 selepas berjaya memintas Setia Perdana sehingga menggegarkan gawang gol pasukan lawan.

Ini menjadikan Indera SC selesa

mendahului 1 - 0 pada separuh masa yang pertama.

Setia Perdana yang juga terkenal dengan semangat juang tinggi dilihat seakan terus terperangkap dengan mutu permainan yang disajikan oleh Indera SC pada separuh masa kedua dan gagal menghasilkan sebarang percubaan berbahaya.

Indera SC terus mempamerkan

permainan yang bermutu apabila mengasak kubu pertahanan Setia Perdana apabila pada minit ke-57, Muhd. Ishyra Aqimin berjaya menggandakan kedudukan menjadi 2 - 0.

Pada minit ke-76, Muhd. Hamiz Arsyad menjarangkan gol ketiga Indera SC dan keputusan 3 - 0 kekal sehingga tamat perlawanan.

## Tabuan belasah Setia Perdana 11 - 0



PEMAIN Tabuan (jersi kuning) dan pemain Setia Perdana (jersi biru) bersaing bagi merebut bola pada aksi perlawanan Bola Sepak Belia Di Bawah 16 Tahun Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD) yang diadakan di Padang NFABD Berakas.



PEMAIN Tabuan (jersi kuning) melepaskan rembatan sambil cuba dikawal oleh pemain Setia Perdana (atas). Sementara gambar bawah, antara yang hadir terdiri daripada ibu bapa dan keluarga para pemain yang tidak melepaskan peluang memberikan sokongan padu kepada mereka.



**BERAKAS**, Jumaat, 3 Januari. - Pasukan Tabuan membelasah Setia Perdana dengan 11 - 0 dalam perlawanan Bola Sepak Belia Di Bawah 16 Tahun Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD) 2019 yang diadakan di Padang NFABD Berakas.

Perlawanan ini bagi

meningkatkan mutu permainan sukan bola sepak tanah air dan mencungkil bakat-bakat muda baru yang bakal menjadi pelapis di masa akan datang.

Kejohanan itu merupakan acara yang disokong oleh NFABD, yang menyediakan sumber bagi menjayakan kejohanan tersebut.





Oleh : Haji Ahmad Haji Salim  
Foto : Jabatan Penerangan

# Jana ekonomi menerusi pertanian

**A**KHIR-akhir ini, kesedaran rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk memajukan pelbagai bidang yang boleh menjana ekonomi negara giat dilaksanakan oleh pelbagai pihak termasuklah bidang pelancongan, keusahawanan serta pertanian dan agrimakanan.

## Pertanian dan Agrimakanan

Mengikut statistik, Trend Pengeluaran Industri Pertanian dan Agrimakanan Tahun 2018 mencatatkan peningkatan sebanyak 436.12 juta secara keseluruhan berbanding sebanyak 386.02 juta pada tahun 2014. Antara penyumbang terbesar ialah industri agrimakanan mencatatkan sebanyak 127.81 juta diikuti dengan industri pertanian mencatat sebanyak 63.69 juta pada tahun 2018.

## Meterai Perjanjian

Sehubungan itu, jumlah tersebut akan semakin meningkat dengan ada peluang-peluang kerjasama yang dimeterai oleh NBD dengan negara Republik Rakyat China baru-baru ini dalam penandatanganan Protokol antara Pentadbiran Am Kastam Republik Rakyat China bersama Kementerian Perindustrian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) mengenai Keperluan Fitosanitasi untuk Pengeksportan Melon Segar dari Negara Brunei Darussalam, iaitu Protokol bagi buah Muskmelon untuk tujuan eksport ke Republik Rakyat China telah diadakan 16 Disember yang lalu, di Republik Rakyat China.

## Impak Positif

Dalam kenyataan KSSUP menyatakan bahawa adanya kebenaran dan penerimaan daripada Republik Rakyat China untuk NBD mengeksport produk-produk ini nanti, maka ia akan dapat memberikan impak positif serta signifikan kepada industri buah-buahan seperti Muskmelon, industri ternakan dan juga industri akuakultur di NBD dalam menembusi akses kepada pasaran di Republik Rakyat China, yang akan dapat menyumbang kepada peningkatan hasil pertanian, ternakan dan perikanan yang seterusnya akan dapat meningkatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Ini juga akan memberikan impak langsung kepada pengusaha-pengusaha tempatan yang mengusahakan industri ini, di mana keluaran buah Muskmelon daripada Syarikat Gropoint dijangka akan meningkat daripada 600 tan metrik setahun kepada 1,200 tan metrik setahun.

Manakala keluaran eksport produk daging daripada syarikat PDS Sdn. Bhd. yang dianggarkan sebanyak 1,300 tan metrik setahun dijangka akan meningkat berganda pada tahun berikutnya, dan keluaran produk akuakultur daripada syarikat-syarikat akuakultur juga dijangka akan meningkat daripada 16,000 tan metrik setahun kepada 20,000 tan metrik setahun.

## Pengeluar Muskmelon

Syarikat Gropoint Sdn. Bhd. merupakan

penghasil buah Melon Segar dan merupakan syarikat usaha sama di antara pengusaha tempatan dengan pelabur asing dari Malaysia yang giat mengusahakan tanaman buah-buahan tidak bermusim menggunakan sistem rumah terlindung dan sistem fertigasi dengan mempunyai kawasan tapak berkeluasan 20 hektar dengan jumlah pekerja seramai seorang anak tempatan dan lapan pekerja asing.

## Pengeluaran Padi

Pengeluaran beras negara dijangka meningkat apabila terlaksananya projek Kawasan Penanaman Padi (KPP) Secara Komersial, di Kawasan Kandal Daerah Belait yang mana telah diperuntukkan sebanyak 500 hektar oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Pada tahun lalu sahaja, pengeluaran beras negara dianggarkan sekitar 1,500 tan metrik setahun, yang mana kira-kira lima peratus bagi tahap sara diri. Dengan pembukaan tanah dan pengenalan varieti baharu seperti padi Sembada dan Titih, negara mampu menggandakan peratus tahap sara diri kepada 10 peratus.

Projek Pembukaan Kawasan Kandal bagi Penanaman Padi secara Komersial Berkeluasan 500 Hektar dibahagikan kepada dua fasa, iaitu Fasa 1 dan Fasa 2. Kerja-kerja Fasa 1, berkeluasan kurang lebih 20 hektar telah siap pada penghujung tahun 2019, manakala

Fasa 2, seluas 480 hektar pula disasarkan siap pada tahun 2021.

KKP Kandal ini disasarkan akan menyumbang 6,000 hingga 8,000 tan metrik padi bermula dari tahun 2025, iaitu tambahan kepada 11 hingga 15 peratus keperluan beras negara.

Projek ini merupakan salah satu daripada usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam meningkatkan lagi keluaran dan tahap sara diri bekalan beras di Negara Brunei Darussalam, selain memastikan sekuriti makanan bekalan beras negara adalah terjamin.

## Mengatam Padi 188

Pada 29 Oktober 2018, NBD telah melakar sejarah dan detik penting dalam industri padi dan beras bagi negara ini di mana Kebawah DYMM telah berkenan berangkat bercemar duli menyempurnakan Majlis Perasmian Penanaman Varieti Padi Hibrid Berhasil Tinggi dikenali sebagai Sembada188 di KKP Wasan, Mukim Pengkalan Batu. Pada 12 Februari 2019, Kebawah DYMM telah berkenan berangkat bercemar duli menyempurnakan Majlis Mengatam Varieti Padi Jenis Hibrid Sembada188 Di KKP Kampung Wasan.

Varieti padi hibrid ini berpotensi menghasilkan 6 tan metrik sehektar semusim berbanding dengan varieti-varieti sebelumnya yang hanya mampu menghasilkan tiga tan metrik sehektar semusim.





# PBKBD - Yonex Sunrise Singapore meterai MoU



PRESIDEN Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei Darussalam (PBKBD), Pengiran Haji Hamzah bin Pengiran Haji Mohamad (kanan) mewakili persatuan, manakala Yonex Sunrise diwakili Eksekutif Promosinya, Leonard Lai Hwa Tong (kiri) bagi menaja dalam bentuk peralatan sukan dan hadiah kejohanan badminton (atas). Sementara gambar kanan, antara pakaian yang ditaja oleh Yonex.



Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

**BERAKAS**, Jumaat, 3 Januari. - Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei Darussalam (PBKBD) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Yonex Sunrise Singapore di Hotel Mulia, di sini, hari ini.

Melalui MoU tersebut, Yonex Sunrise akan menaja para atlet badminton kebangsaan dan persatuan berkenaan termasuk dalam bentuk peralatan sukan dan hadiah bagi kejohanan badminton anjuran PBKBD, bermula dari

Oktober 2019 hingga September 2024.

MoU itu ditandatangani oleh Presiden PBKBD, Pengiran Haji Hamzah bin Pengiran Haji Mohamad mewakili persatuan, manakala Yonex Sunrise diwakili Eksekutif Promosinya, Leonard Lai Hwa Tong.

Hadir menyaksikan majlis penandatanganan itu ialah

wakil-wakil dari Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta ahli-ahli jawatankuasa PBKBD.

Pengiran Haji Hamzah dalam ucapannya berkata, MoU ini diharapkan akan menambahkan lagi semangat persatuan berkenaan untuk mengendalikan acara-acara badminton.

Di samping itu katanya, memorandum tersebut juga adalah sebagai wadah dan penggerak untuk persatuan tersebut lebih maju ke hadapan.

PBKBD dengan kerjasama JBS akan menganjurkan Kejohanan Badminton Liga Berpasukan Kebangsaan bermula 24 Januari ini.

## 45 pekayuh PLPMS terima hasil kemenangan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 3 Januari. - Lebih BND1,600 hasil daripada hadiah kemenangan lumba perahu diagihkan kepada 45 pekayuh-pekayuh Pasukan Lumba Perahu Mukim Saba (PLPMS) pada Majlis Doa Kesyukuran dan Penghargaan anjuran PLPMS pada 31 Disember lalu.

Penyampaian hadiah disempurnakan oleh Yang

Di-Pertua Persatuan Kampung Saba (PERKASA), Awang Haji Ismail bin Haji Hamdan selaku Pengerusi Lumba Perahu Mukim Saba, diselajarkan dengan penyampaian derma kepada anak-anak yatim Mukim Saba dan juga hadiah bagi Pekayuh Cemerlang, Pekayuh Berdisiplin dan Pekayuh Master.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai

diketuai oleh Pemangku Imam Surau Kampung Saba, Awang Muhammad Khairun bin Haji Duraman.

Awang Haji Ismail bin Haji Hamdan dalam ucapannya menasihatkan pekayuh Mukim Saba akan sentiasa meningkatkan mutu dan kualiti kayuhan dan sentiasa mempunyai jiwa untuk tidak mudah mengalah dan membuat latihan yang berterusan.

Berita dan Foto : Ihsan Pasukan Lumba Perahu Mukim Saba

Beliau juga berharap pihak Pengurusan PLPMS akan sentiasa mencari pelapis terutama belia-belia di Mukim Saba sebagai persediaan pada masa akan datang dan menasihatkan supaya setiap permasalahan hendaklah sentiasa dibincangkan dan diselesaikan bersama bukan dengan keputusan pihak individu sahaja.

Awang Haji Ismail bin Haji Hamdan menasihatkan supaya pihak pengurusan PLPMS akan sentiasa membabitkan belia-belia untuk aktif beriadah dan bersukan. Dengan adanya aktiviti-aktiviti berkayuh, ia akan menghindarkan

belia-belia dan penduduk Mukim Saba daripada membuang masa daripada kegiatan yang tidak sihat dan yang tidak berfaedah.

Beliau turut menyarankan penduduk dan bekas penduduk Mukim Saba akan sentiasa bersatu, bekerjasama dan berusaha mengeratkan silaturahim dalam apa jua aktiviti-aktiviti yang akan diadakan pada masa akan datang.

Beliau berasa kagum dan berpuas hati dengan pencapaian pada tahun 2019 terutama semasa menyertai Lumba Perahu Regata di Kuching, Sarawak di mana hanya PLPMS satu-satunya wakil dari Negara Brunei Darussalam memasuki ke perlawanan akhir bersama dengan tiga pasukan daripada negara jiran dan menyarankan PLPMS akan dapat menyertai pada tahun hadapan dan seterusnya mempersiapkan dan meningkatkan lagi latihan.

Sepanjang tahun 2019, PLPMS berjaya meraih tempat pertama sebanyak lapan kali, tempat kedua empat kali dan tempat ketiga tiga kali hasil daripada penyertaan enam kejohanan Lumba perahu dalam dan luar negara, iaitu Lumba Perahu MPK Pintu Malim; Lumba Perahu Kebangsaan di Serasa; Regata Brunei; Lumba Perahu Daerah Belait; Regata Kuching, Sarawak dan Lumba Perahu MPK Sungai Bunga.

Lebih kurang 100 orang menghadiri majlis tersebut.

Turut hadir, Ketua Kampung Saba Darat 'B', Awang Haji Mayalin bin Haji Saat; Mantan Yang Di-Pertua PERKASA, Awang Haji Jalil bin Haji Bakar; Awang Haji Hashim bin Sadong, selaku penasihat PLPMS serta ahli-ahli Keluarga PLPMS.



PEKAYUH-PEKAYUH Pasukan Lumba Perahu Mukim Saba (PLPMS) hadir pada Majlis Doa Kesyukuran dan Penghargaan anjuran PLPMS.



# Sukan

## INFO SUKAN

KUMPULAN KBS muncul juara Kategori Beregu Terbuka dengan menerima wang tunai BND1,200 berserta sijil penyertaan pada Pertandingan Dart Beregu Terbuka Kali Kedua di Dewan Riadah, Pusat Belia, Bandar Seri Begawan pada 29 Disember 2019.



ePaper Pelita Brunei

SETIAUSAHA Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud (tengah) hadir merasmikan Taman Riadah Bukit Sipatir. Juga hadir merasmikan ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis selaku Penghulu Mukim Kota Batu (tiga, kanan).

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi  
Awang Abdul Hamid



# Perasmian Taman Riadah Bukit Sipatir

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 2 Januari. - Penerokaan Taman Riadah Bukit Sipatir bermula kira-kira setahun yang lalu, iaitu pada 25 November 2018, di mana pada 25 Disember 2018 taman ini mula dibukakan kepada orang ramai.

Trek asal pada ketika itu hanyalah sejauh tiga kilometer dan mengikut statistik yang ada, pengunjung ke taman riadah tersebut menjangkau hingga lebih dua ribu orang, terutama sekali pada Jumaat dan Ahad.

Sehubungan itu, pada 1 Januari lalu menyaksikan satu lagi peristiwa yang menjadi kenangan dan ristaan, khususnya bagi penduduk di Kampung Subok, iaitu

Majlis Perasmian Taman Riadah Bukit Sipatir.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi merasmikan taman riadah tersebut, Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud.

Terlebih dahulu acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diketuai oleh Awang Hazim bin Sulaiman.

Kemudian diikuti dengan acara Senamrobik sebagai Pemanasan Badan dan diteruskan dengan perasmian Taman Riadah Bukit Sipatir oleh tetamu

kehormat.

Majlis diteruskan dengan pelepasan acara naik bukit ke Taman Riadah Bukit Sipatir yang disertai oleh penduduk sekeliling dan orang ramai.

Seterusnya diadakan perasmian kedua, iaitu penanaman pokok di puncak Taman Riadah Bukit Sipatir dan kemudian turun balik ke Laluan Kebun menuju letak kereta taman berkenaan.

Tetamu kehormat juga berpeluang melihat gerai jualan dan pameran tongkat yang terletak di letak kereta Taman Riadah Bukit Sipatir sebelum berkumpul ke Taman Seri Pitabu bagi acara Penyampaian Sijil Penghargaan kepada para penaja dan

Sijil Kepujian kepada mereka yang terlibat bagi mengenang jasa terbinanya Taman Riadah Bukit Sipatir.

Sehingga ke hari ini, Taman Riadah Bukit Sipatir terus menjadi bualan orang ramai, terutama sekali bagi mereka yang berminat menyertai kegiatan mengembara, selain memberikan peluang kepada mereka mengenali Bukit Sipatir, Kampung Subok, juga meningkatkan kesedaran mengenai tempat-tempat riadah dan mengembara yang terdapat di Negara Brunei Darussalam.

Trek yang biasa dilalui adalah trek mudah yang melintasi beberapa buah wasai di sepanjang jalan, termasuk Wasai Belakang Marang, Bukit Belakang Marang, Bukit Sipatir dan Bukit Belukar Simai.

Di puncak Bukit Sipatir, orang ramai berpeluang bergambar ramai dan menikmati suasana pemandangan yang menarik juga indah.



PARA penduduk sekeliling dan orang ramai ketika menyertai acara naik bukit Taman Riadah Bukit Sipatir.

## Tahukah Awda

**BRUNEI** International Flower Show 2019 (BIFS 2019) merupakan salah satu inisiatif Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui gabungan kerjasama Jabatan Kemajuan Pelancongan dengan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Ia dihasratkan untuk diadakan setiap bulan Oktober dan dijadikan sebagai acara tahunan dalam kalendar pelancongan Negara Brunei Darussalam.

**SUMBER** : Siaran Akhbar Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, 5 Oktober 2019.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

**HIJRAH MINDA KE ARAH MASYARAKAT DINAMIK, BERDAYA TAHAN**

دتر بیتکن اوله جباتن قنراغن، جباتن فردان منتری دان دچیتقن اوله جباتن فرچیتقن کراجان، نکارا برونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam